

USAHA PIHAK SEKOLAH MENGATASI GEJALA PONTENG DI KALANGAN PELAJAR

Projek Sarjana ini diserahkan kepada Sekolah Siswazah
sebagai sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan),
Universiti Utara Malaysia

Oleh

Yusop Mat Isa

© YUSOP MAT ISA
Hakcipta Terpelihara, 1998.



**Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

YUSOP BIN MAT ISA

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of) **Sarjana Sains (Pengurusan)**

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

USAHA PIHAK SEKOLAH MENGATASI GEJALA PONTENG DI KALANGAN

PELAJAR.

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
*(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).*

Nama Penyelia
(Name of Supervisor): **Encik Nasruddin Zainudin**

Tandatangan
(Signature)

Tarikh
(Date)

7.7.98

KEBENARAN MERUJUK TESIS

Tesis ini diserahkan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM), Saya bersetuju supaya pihak perpustakaan UUM mengedarkan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan, keseluruhan atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran dari penyelia saya, atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini, untuk tujuan pemerolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Selain itu, pengiktrahan kepada saya dan UUM seharusnya diberi dalam sebarang penggunaan bahan-bahan yang terdapat dalam tesis ini.

Pemohonan untuk kebenaran membuat salinan atau lain-lain kegunaan, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, boleh dipohon melalui :

Dekan

Sekolah Siswazah

Universiti Utara Malaysia,

06010 Sintok Kedah Darul Aman.

Didedikasikan teristimewa untuk ...

Isteriku Haslina

Cahaya mataku Ashraf, Shaqinar dan Izati ...

Ibu dan bapa jua mentua

Keluarga serta perwira negara

yang tercinta

...teruskan perjuangan ini hingga ke saat
kau dipanggil olehnya ...

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah, dengan limpah rahmat, kekuatan dan petunjuk Allah S.W.T kajian ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Setinggi penghargaan untuk pihak Institut Aminuddin Baki dan Universiti Utara Malaysia yang telah mengilhamkan program berkembar UUM/IAB yang mempunyai hasrat suci iaitu memertabatkan warga pendidik yang sedia berjuang dalam dunia keilmuan. Kesempatan ini juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dekan Sekolah Siswazah P. Madya Dr. Ibrahim bin Abdul Hamid serta semua staf di bawah naungannya yang sentiasa menghulurkan bantuan sepanjang program dilaksanakan.

Penghargaan yang tidak terhingga juga dirakamkan buat En. Nasruddin Zainudin yang banyak membantu dan membimbing dalam usaha ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua rakan sekohort yang memberi dorongan dan galakan semasa sama-sama berada di dalam kepayahan.

Kepada isteri yang sentiasa memahami dan sabar menanti, pengorbananmu hanya Allah sahaja yang berhak membalas.

Semuga Projek Sarjana ini memanfaatkan semua yang bergelar pejuang keilmuan.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat hubungan di antara lima faktor pembolehubah bebas dengan gejala ponteng di kalangan pelajar tingkatan 4. Faktor sekolah yang dikaji adalah proses pengajaran guru, pengurusan kelas, pengurusan kokurikulum, rakan sebaya dan keceriaan sekolah. Objektif kajian ini adalah untuk melihat manakah faktor sekolah yang paling dominan mempengaruhi gejala ponteng di kalangan pelajar. Responden kajian ini adalah pelajar tingkatan empat yang belajar di 4 buah sekolah gred A daerah Jitra, Kubang Pasu, Kedah. Sekolah berasrama penuh tidak termasuk dalam kajian ini. Seramai 241 responden telah memberi maklumbalas terhadap soal selidik yang diedarkan. Sembilan hipotesis telah dibentuk bagi menjawab persoalan kajian ini. Ujian Korelasi Pearson, ANOVA Sehalu, Ujian-t dan Ujian Regrasi Berganda digunakan untuk menguji hipotesis yang dibina. Hasil kajian ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor jantina, kaum, pencapaian PMR dan pengurusan kelas dengan gejala ponteng pelajar dan terdapat hubungan rakan sebaya, proses pengajaran guru, pengurusan kokurikulum dan keceriaan sekolah dengan gejala ponteng di kalangan pelajar. Faktor rakan sebaya adalah merupakan faktor yang paling dominan kepada gejala ponteng berbanding faktor proses pengajaran guru, pengurusan kokurikulum, dan keceriaan sekolah

ABSTRACT

The purpose of this research was to see the relationship among 5 dependant variables with the problem of school truancy among form four students. School factors which was identified in this researched were teachers' teaching method, class management, co - curriculum management, peers and school beautification. The objectives of this research was to see which school factor dominantly influenced the school truancy among students. The respondents are form 4 students in 4 grade A schools in Jitra, Kubang Pasu district of Kedah. Respondents involved in this research were 241 and questionnaires were used to obtained data. Nine hypotheses were tested by the Method of Pearson's Correlation Method, One Way ANOVA, T-test and Multiple Regression Test. The results showed that there was no significant relationship among gender, race, PMR achievement and class management with the problem of school truancy. But there was a relationship among peers, teachers' teaching process, co - curriculum management and school beautification with the problem of school truancy. Peers was the most dominant factors toward truancy problem, compared to teachers' teaching process, co curriculum management dan school beautification.

KANDUNGAN

Muka Surat

Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Kandungan	vi
Senarai Jadual	x
Senarai rajah	xi

BAB SATU : PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Penyataan Masalah	6
1.3	Objektif Kajian	9
	1.3.1 Objektis Utama	9
	1.3.2 Objektif Khusus	9
1.4	Sugnifikan Kajian	11
1.5	Batasan Kajian	12
	1.5.1 Populasi	12
	1.5.2 Masa	12
	1.5.3 Sumber Kewangan	12
	1.5.4 Pembolehubah-pembolehubah	13
	1.5.4.1 Pembolehubah Bebas	13
	1.5.4.2 Pembolehubah Bersandar	13
1.5	Model Kajian	14

1.6	Penutup	14
-----	---------	----

BAB DUA : ULASAN KARYA **16**

2.1	Definisi Disiplin	16
2.2	Definisi Ponteng	18
2.3	Faktor Dalaman Sekolah	21
2.4	Definisi Proses Pengajaran dan Pembelajaran	24
2.5	Definisi Pengurusan Kelas	24
2.6	Definisi Pengurusan Aktiviti Kokurikulum	25
2.7	Definisi Rakan Sebaya	26
2.8	Definisi Keceriaan Sekolah	27
2.9	Kajian Empirikal Ke atas Pembolehubah Yang Ditetapkan	28
2.9.1	Hubungan Proses Pengajaran dan Pembelajaran dengan Gejala Ponteng.	28
2.9.2	Hubungan Proses Pengurusan Kelas dengan Gejala Ponteng.	34
2.9.3	Hubungan Proses Pengurusan Aktiviti Kokurikulum dengan Gejala Ponteng.	38
2.9.4	Hubungan Rakan Sebaya dengan Gejala Ponteng.	38
2.9.5	Hubungan Keceriaan Sekolah dengan Gejala Ponteng.	41
2.10	Penutup	43

BAB 3 : METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	45
3.2	Kerangka Model Kajian	45
3.3	Hipotesis Kajian	47
3.4	Subjek Kajian dan Kaedah Persampelan	50

3.5	Kaedah Pengumpulan Data	52
3.5.1	Sumber Data Primer	52
3.5.1.1	Temubual	52
3.5.1.2	Soal selidik	53
3.5.2	Data Sekunder	54
3.6	Kaedah Penganalisan Data	54
3.6.1	Analisa Korelasi	55
3.6.2	Analisa ANOVA sehalu	55
3.6.3	Analisa Ujian-t	56
3.6.4	Analisa Regrasi	56
BAB EMPAT : ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pendahuluan	58
4.2	Latar belakang Responden	59
4.2.1	Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina	59
4.2.2	Latar Belakang Responden Berdasarkan Kaum	59
4.2.3	Latar Belakang Responden Berdasarkan Pencapaian Akademik	60
4.3	Ujian Hipotesis Hubungan Di antara Pembolehubah-pembolehubah Bebas Dan Pembolehubah Bersandar.	61
4.3.1	Hipotesis 1	63
4.3.2	Hipotesis 2	64
4.3.3	Hipotesis 3	65
4.3.4	Hipotesis 4	65
4.3.5	Hipotesis 5	66
4.4	Pengujian Hipotesis Perbezaan Di antara Pembolehubah Bebas Dengan Pembolehubah Bersandar.	67
4.4.1	Hipotesis 6	67
4.4.2	Hipotesis 7	68
4.4.3	Hipotesis 8	
4.5	Pengujian Hipotesis Untuk Menentukan Pengaruh Setiap Pembolehubah-pembolehubah Bebas Ke atas Gejala Ponteng Di kalangan Pelajar.	70

4.5.1	Hipotesis 9	71
-------	-------------	----

BAB LIMA : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	73
5.2	Cadangan	76

BIBLIOGRAFI

Surat Kebenaran	EPRD Kementerian Pendidikan Malaysia.	82
Surat Kebenaran	Menjalankan Kajian Di Sekolah Dari Jabatan Pendidikan Negeri	83
Surat Pelantikan	Penyelia Kertas Projek	84
Soal Selidik.		45
Latar Belakang	Penyelidik	91

SENARAI JADUAL

<u>Jadual</u>	<u>Tajuk</u>	<u>M / surat</u>
2.1	Ponteng Sekolah Berterusan / Berkala	20
4.1	Taburan Frekuensi Responden Mengikut Jantina	59
4.2	Taburan Frekuensi Responden Mengikut Kaum	60
4.3	Taburan Frekuensi Responden Mengikut Pencapaian Akademik	61
4.4	Korelasi Pearson	62
4.5	Keputusan Ujian Korelasi Pearson Terhadap Hubungan Pembolehubah Bersandar Dengan Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar.	63
4.6	Ujian-t Tentang Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Mengikut Jantina	68
4.7	Analisis Varians Tentang gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Mengikut Kaun	69
4.8	Analisis Varians Tentang gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Mengikut Pencapaian PMR	70
4.9	Keputusan Analisis Regrasi Berganda Untuk Mengukur Pengaruh Faktor Sekolah Ke atas Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar tingkatan 4	71

RAJAH

Rajah 3.1 Kerangka Model Kajian

46

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Tujuan dan arah pendidikan negara tidak lain dan tidak bukan adalah untuk menjurus ke arah pencapaian hasrat murni yang terkandung dalam Falasafah Pendidikan Negara yang berbunyi ;

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”.

(Pusat Perkembangan kurikulum: 1990 : 6)

Falasafah Pendidikan Negara kini menjadi obor yang menyuluh perjalanan kepada semua sistem pendidikan di negara ini. Dalam konteks ini bekas Menteri Pendidikan , Y.B. Dato’ Seri Anwar Ibrahim, pernah menegaskan:

“Falasafah pendidikan.... Menjadi teras dan tunjang kepada sistem pendidikan kebangsaan kita supaya semua program dan aktiviti pendidikan merupakan pancaran prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang terkandung dalam falasafah tersebut”

(Menangani Perubahan,
hal 4.)

Jelas sekali Falasafah Pendidikan Negara hendak membawa dunia pendidikan kita kepada objektif pendidikan yang unggul . Perdana Menteri Malaysia semasa membentangkan “Malaysia : Melangkah ke Hadapan” pernah menyatakan bahawa;

“ Malaysia mempunyai satu sistem pendidikan yang terbaik di dunia ketiga. Tetapi untuk perjalanan yang kita perlu sediakan untuk generasi kedua, tahap dan piawai baru perlu ditetapkan dan hasil baru perlu dicapai”.

Pengiktirafan ini sangat tinggi dan memerlukan tanggungjawab besar untuk direalisasikan. Kementerian Pendidikan dengan rasa penuh tanggungjawab merumuskan satu pernyataan misi sebagai lorongan untuk dirintis bagi mencapai puncak destinasi Wawasan 2020. Pernyataan Misi itu berbunyi ;

“ Mengwujudkan sistem pendidikan yang terbaik untuk menghasilkan insan yang mempunyai daya ketahanan tinggi bagi memenuhi aspirasi dan kehendak individu, masyarakat dan negara”.

(Datuk Dr. Wan Mohd Zahid :5)

Perdana Menteri telah mengariskan sembilan cabaran strategik yang perlu dicapai dalam Wawasan 2020 . Dalam kontek dunia pendidikan cabaran strategik yang keempat menyentuh secara langsung terhadap keperluan pembentukan masyarakat yang bermoral dan beretika.

“Cabaran keempat ialah membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur”.

(Mahathir Mohamed, 1991 (a); 302)

Cabaran ini secara khusus adalah ke arah pembinaan, pembentukan dan pengalihan “ a good man” dan bukannya “ a good citizen”. (Prof. Dr. Mohd Naquib Al-Attas: 1980) . Cabaran ini juga adalah cabaran yang paling fundamental, mendesak dan utama walaupun amat sukar.

Demi menangani cabaran-cabaran dunia baru abad ke-21. Malaysia bukan sahaja memerlukan sumber manusia yang trampil pontensi mindanya , tetapi juga sumber manusia yang penuh dengan nilai-nilai murni, berdisiplin tinggi , beretika mulia dan mantap jiwanya. Berdasarkan cabaran dan harapan tersebut, pelajar hari ini sebenarnya ‘memikul tanggungjawab’ sebagai ‘genarasi wawasan’ serta mempunyai peranan yang perlu dilaksanakan dengan sempurna. Amanah dan tanggungjawab ini menuntut kecermelangan dalam penguasaan ilmu dan kemahiran dalam bidang akademik/teknik/vokasional yang diceburi. Kecermelangan ini pula menuntut kerajinan (*bukan Ponteng*), kesungguhan (*bukan kelalaian*), kesabaran (*bukan laku musnah*) serta sanggup mengeneipikan keinginan untuk mengejar keseronakan sementara dan melalaikan.

Jika diimbias kembali penubuhan Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1974 bagi mengkaji perlaksanaan dasar pelajaran kebangsaan, sangat prihatin

terhadap masalah pendidikan akhlak atau pendidikan moral. Keprihatinan jawatan kuasa ini dirakamkan seperti berikut:

“Untuk kepentingan pembangunan negara tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja perlu dilihat dari segi bilangan jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bahkan perlu dilihat dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima. Dari segi sikap, mereka jujur dan dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik sama ada secara sendiri maupun secara berramai-ramai berpandukan kepada punca-punca akhlak yang mulia. Tegasnya, individu yang dilahirkan dari sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemamusiaan.”

(Laporan, Jawatankuasa Kabinet,
Para 452, hal.227)

Bagaimana pun jika masalah ponteng sekolah merupakan masalah terbesar, bagaimanakah usaha untuk mendapatkan ilmu pengetahuan itu tercapai. Kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa tahap pencapaian akademik mempunyai hubungan yang rapat dengan ketidakhadiran ke sekolah.

Analisa menunjukkan pada tahun 1991, sebanyak 25,297 kes ponteng dilaporkan dan meningkat kepada 32,092 pada tahun 1992 tetapi menurun kepada 28,005 pada tahun berikutnya kemudian meningkat kepada 34,881 pada tahun 1994. (Utusan Malaysia 24 Ogos 1995).

Dewasa ini wujud pendapat yang menyatakan pelajar merasa bosan bila berada di kawasan sekolah. Suasana persekitaran sama ada dalam bentuk fizikal maupun kemanusiaan tidak dapat memotivasikan pelajar.

Iklim persekolahan yang tidak mengalakkan seperti tumpuan berlebihan terhadap peperiksaan, hukuman yang memalukan dan tidak setimpal serta sikap guru yang kasar menjadi punca masalah disiplin di kalangan pelajar. Hasil kajian yang dijalankan oleh Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan juga mendapati, keadaan fizikal dan persekitaran sekolah yang tidak selesa serta sikap guru yang tidak memberi perhatian kepada pelajar yang ketinggalan juga menyebabkan pelajar ponteng (Utusan Malaysia 2 Mac. 1997).

Kajian oleh Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (1993) yang menyebut bahawa antara punca yang menyebabkan pelajar melakukan salah laku (termasuk ponteng) adalah tumpuan dan tekanan yang berlebihan terhadap peperiksaan, sistem kawalan dan penyeliaan yang kurang berkesan, lokasi sekolah yang berhampiran dengan pusat membeli belah, pasar raya atau terlalu jauh terpencil serta aktiviti kokurikulum yang tidak memberi peluang yang sama kepada pelajar untuk mengambil bahagian.

Adakah benar terdapat hubungan yang signifikan antara salah laku disiplin (ponteng) dengan faktor sekolah?

1.2 PENYATAAN MASALAH

Apabila kadar ponteng di sekolah semakin meningkat, masalah yang berkaitan dengannya akan timbul. Pelajar yang ponteng mudah terlibat dengan pelbagai gejala sosial. Pada masa yang sama prestasi akademik juga akan merosot serta menyebabkan masyarakat hilang keyakinan kepada sistem pendidikan itu sendiri.

Jika bersandarkan kepada kajian dan data 1993 yang dianalisis oleh Unit Disiplin Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, sebahagian besar salah laku yang dilakukan oleh para pelajar adalah salah laku ringan (termasuk ponteng), iaitu 0.67 peratus terlibat dalam ponteng sekolah, 0.48 peratus ponteng kelas, 0.38 peratus datang lewat ke sekolah, 0.02 peratus berpakaian tidak mengikut peraturan, 0.15 peratus mengganggu pengajaran dan 0.13 peratus berambut penjang.

T. Subahan Mohd Meerah (1993) membuat kajian ke atas 20 orang guru pelatih yang pernah membuat latihan mengajar di sekolah menengah bagi sesi persekolahan 1987/88 di beberapa buah sekolah menengah menunjukkan bukti yang sama. Antara jenis salah laku ponteng yang dilakukan oleh para pelajar mengikut persepsi guru ialah, ponteng sekolah 50%, ponteng kelas 40% dan kerap keluar kelas 25%.

Daripada kajian-kajian lain yang telah dilakukan juga didapati terdapat empat punca utama wujudnya salah laku disiplin di sekolah adalah dari pelajar sendiri, keluarga, persekitaran dan juga sekolah. (Omardin 1996). Dari sinilah penyelidik berhasrat memperdalamkan pengkajian faktor keempat iaitu faktor sekolah, di mana satu-satunya faktor yang secara langsung dan khusus di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan .

Jika benar suasana persekitaran sekolah menjadi punca kepada masalah ponteng di kalangan pelajar, sejauhmanakah pula pihak pengurusan manpu dan dapat melakukan pengubahsuaian ? Pada masa yang sama adakah guru-guru menyedari fenomena ini ? **Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti secara empirik faktor-faktor persekitaran dalaman sekolah yang menjadi punca kepada masalah ponteng di kalangan pelajar.** Walaupun kita menyedari terdapat banyak faktor lain di luar faktor sekolah yang turut menyumbang kesan yang besar terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar. Namun kajiiaan ini hanya terbatas kepada faktor-faktor dalaman sekolah sahaja. Faktor- faktor tersebut adalah

1. Faktor proses pengajaran guru.
2. Faktor pengurusan kelas.
3. Faktor rakan sebaya di sekolah.
4. Faktor pengurusan kokurikulum
5. Faktor keceriaan sekolah.

Berdasarkan permasalahan kajian, beberapa persoalan cuba ditumpukan dalam kajian ini, iaitu;

- i. Kaedah pembelajaran dan pengajaran yang diamalkan oleh guru menarik minat pelajar atau sebaliknya. Adakah ada hubungan antara gejala ponteng dengan kaedah pembelajaran dan pengajaran yang diamalkan oleh guru.
- ii. Adakah perlu pihak pengurusan sekolah mengemaskinikan sistem pentadbiran seperti meningkatkan penyeliaan terhadap pengajaran guru di dalam bilik darjah dan mengadakan krusus-krusus untuk meningkatkan kesedaran kepada guru tentang gejala ponteng.
- iii. Bagaimanakah pengurusan rakan sebaya boleh membantu mengatasi gejala ponteng. Bagaimana peranan yang dapat dimainkan oleh unit kaunseling melalui program pembimbing rakan sebaya supaya ianya lebih berkesan.
- iv. Mengapa kegiatan dan aktiviti-aktiviti dalam sukatan kokurikulum di sekolah gagal menarik minat pelajar untuk ke sekolah dan seterusnya menjadikan konsep “sekolahku rumahku” sukar dicapai.
- v. Bagaimana boleh keadaan keceriaan sekolah mempengaruhi minat pelajar ? Mengapa pelajar menganggap sekolah sebagai penjara dan bukan taman tempat belajar selain bersuka ria.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.3.1 Objektif Utama

Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat gejala penteng di kalangan pelajar tingkatan 4 dan hubungannya dengan faktor persekitaran dalaman sekolah.

1.3.2 Objektif Khusus.

Pertama ;

Mengenal pasti sama ada proses pengajaran guru mempunyai hubungan dengan gejala ponteng di kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah gred A di kawasan bandar Jitra .

Kedua ;

Mengenal pasti sama ada kaedah pengurusan kelas mempunyai hubungan dengan gejala ponteng di kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah gred A di kawasan bandar Jitra.

Ketiga ;

Mengenal pasti sama ada pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan dengan gejala ponteng di kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah gred A di kawasan bandar Jitra.

Keempat ;

Mengenal pasti sama ada pengurusan aktiviti kokurikulum mempunyai hubungan dengan gejala ponteng di kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah gred A di kawasan bandar Jitra.

Kelima ;

Mengenal pasti sama ada keadaan keceriaan sekolah mempunyai hubungan dengan gejala ponteng di kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah gred A di kawasan bandar Jitra.

Keenam ;

Mengenal pasti sama ada faktor jantina mempunyai hubungan dengan gejala ponteng di kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah gred A di kawasan bandar Jitra.

Ketujuh ;

Mengenal pasti sama ada faktor kaum mempunyai hubungan dengan gejala ponteng di kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah gred A di kawasan bandar Jitra.

Kelapan ;

Mengenal pasti sama ada faktor pencapaian PMR (Peperiksaan Menengah Rendah) mempunyai hubungan dengan gejala ponteng di kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah gred A di kawasan bandar Jitra.

1.4 Signifikan Kajian

Kajian mengenai gejala ponteng sangat penting kerana dapat dijadikan landasan dan petunjuk dari masa ke semasa dalam perancangan dan program yang akan dilaksanakan di dalam sistem pendidikan hari ini. Hasil kajian ini akan dapat menjadi panduan kepada pihak pengurusan sekolah serta pihak Kementerian Pendidikan di peringkat daerah dan negeri dalam usaha menangani gejala ponteng. Hasil kajian ini juga diharap dapat memberi maklumat yang penting kepada pihak-pihak tertentu supaya program pendidikan yang tepat dapat dilaksanakan di sekolah selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan pendidikan di Malaysia bertaraf dunia. Menyedari kepekaan Kementerian Pendidikan terhadap permasalahan ini, kajian ini seharusnya dapat menyumbang idea-idea dan penemuan-penemuan yang dapat membantu secara langsung atau sebaliknya dalam menyelesaikan masalah ponteng di sekolah. Di samping itu kajian ini dapat memperlihatkan unsur-unsur dan perlakuan negatif yang tumbuh dan diwarisi di sekolah yang menyumbang kepada gejala ponteng. Pengkaji berharap perlakuan yang merugikan bangsa dan negara ini dapat dibentaras

dengan adanya komitmen dan penglibatan secara jujur dan berkesan di kalangan guru-guru dan pihak yang mempunyai kepentingan secara langsung atau sebaliknya dengan sistem pendidikan di negara tercinta ini.

1.5 Batasan Kajian

1.5.1 Populasi

Populasi yang diambil daripada kajian ini hanya meliputi 5 buah sekolah menengah gred A di kawasan bandar Jitra, Kedah. Iaitu terdiri pelajar tingkatan empat yang sahaja yang berjumlah 1056 orang sebagai responden dan bukan keseluruhan pelajar dari daerah berkenaan.

1.5.2 Masa

Peruntukan masa selama satu semester atau lebih kurang empat bulan amat singkat untuk melakukan satu kajian yang benar-benar terperinci. Hal ini lebih ketara apabila pengkaji berhadapan dengan musim cuti persekolahan yang kebetulan jatuh dalam tempoh penyelidikan diberi.

1.5.3 Sumber Kewangan

Peruntukan sejumlah RM 1000 untuk melaksanakan penyelidikan sebegini memerlukan banyak pemotongan kos dalam beberapa

bidang yang akhirnya menyebabkan beberapa kekurangan tidak dapat dielakkan.

1.5.4 Pembolehubah-Pembolehubah

Penyelidik hanya menumpukan kepada lima pembolehubah bebas dan satu pembolehubah bersandar dalam kajian ini .Walaupun terdapat banyak lagi pembolehubah bebas yang difikirkan penting untuk dikaji namun beberapa kekangan yang telah dibincangkan menyebabkan pengkaji hanya dapat memilih pembolehubah berikut.

1.5.4.1 Pembolehubah bebas

- a. Proses pengajaran guru
- b. Pengurusan kelas
- c. Rakan sebaya
- d. Pengurusan aktiviti kokurikulum
- e. Keadaan keceriaan sekolah.

1.5.4.2 Pembolehubah bersandar

- a. Ponteng sekolah / kelas.

1.6 **MODEL KAJIAN**

Berdasarkan dapatan-dapatan serta cadangan-cadangan dari kajian-kajian penyelidikan yang lalu, satu model seperti di bawah dibentuk untuk mengkaji serta menyiasat hubungan pembolehubah dalam model ini.

$$\text{PONTENG} = (\text{FAK. P.G} + \text{FAK. K. K.} + \text{FAK. P.K.} + \text{FAK. R.S} + \text{AK.K.S})$$

FAK. P.G = Faktor Proses Pengajaran Guru.

FAK. K.K = Faktor Pengurusan Kokurikulum

FAK P.K = Faktor Pengurusan Kelas

FAK R.S = Faktor Rakan Sebaya.

FAK K.S = Faktor Keceriaan Sekolah

1.7 **Penutup**

Gejala ponteng jika dikaitkan dengan konsep sekolah penyayang merupakan satu pertembungan peristiwa yang sangat mengelirukan. Mengapa pelajar tidak senang berada di sekolah ? Mereka melarikan diri dari suasana di mana mereka disayangi atau mereka sebenarnya tidak disayangi. Adakah mungkin mereka yang ponteng kerana merasa benci kepada guru, sekolah, pelajaran dan kemungkinan hilang kepercayaan kepada semua perkara yang berkaitan dan ada di sekolah ?

Dalam hal ini kata-kata Dr. Wan Mohd Zahid (1993) perlu direnung, diamati dan difikirkan oleh semua insan yang bernama pendidik:

“ Kita semua dan kita bersama-sama mesti berusaha dengan sedaya upaya untuk menjadikan sekolah seperti rumah tangga. Kita mahu para pelajar kita dengan rasa bangga dan penuh perasaan menyatakan “Sekolahku Rumahku”. Justru semua pendidik perlu melihat pelajar dengan positif dan berusaha untuk melayani mereka atas prinsip-prinsip kemanusiaan.”

Tegas beliau lagi ,

“Untuk menjayakan pembentukan sekolah penyayang yang penuh dengan perasaan kemanusiaan, kebajikan, kerjasama, hormat-menghormati, ikram, berbudi bahasa dan seterusnya, kita perlu mempunyai tanggapan yang betul dan positif tentang setiap anak didik yang berada di sekolah.”

Akhirnya hasrat mengujudkan masyarakat penyayang melalui sistem pendidikan sekolah seperti yang menjadi cabaran dalam Wawasan 2020 yang berbunyi seperti berikut:

... membentuk sebuah masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang, sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri, dengan kebajikan rakyat tidak diasaskan kepada negara maupun individu, tetapi kepada sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap.

(MMKH, hal 4)

akan terjejas sekiranya masalah disiplin pelajar (gejala ponteng) tidak dapat ditangani dan dibendung dengan bijak oleh pihak sekolah dan sistem rumah tangga. Oleh itu dalam mendidik dan mengatasi masalah disiplin pelajar hari ini kata-kata berikut perlu kita jadikan pegangan :

*If a child lives with acceptance and friendship,
He learns to find love in the world.*

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 Definisi Disiplin

Dalam memperkatakan masalah gejala ponteng dengan lebih mendalam perlu diperjelaskan istilah 'disiplin' yang mana di bawahnya termasuk pelbagai bentuk perlakuan devian.

Kamus Dewan Edisi Baru (1989) mentakrifkan disiplin sebagai :

Latihan terutamanya pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri. tatatertib : peraturan-peraturan yang ditetapkan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik: kepatuhan kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan: hukuman atau dendaan kerana melanggar sesuatu peraturan yang ditetapkan.

Menurut Laporan Seminar Kebangsaan Mengenai Disiplin Sekolah-sekolah (1978), disiplin merupakan satu sistem peraturan dan tatatertib yang ditetapkan oleh sesuatu badan atau kelompok yang dilaksanakan agar memudahkan perjalanan proses pembelajaran dan pengajaran di institusi pendidikan.

Ee Ah Meng (1979) mentakrifkan disiplin sebagai peraturan-peraturan yang dipersetujui sesuatu kelompok masyarakat bagi mengujudkan tingkah laku yang baik demi kesempurnaan kehidupan masyarakat itu.

Disiplin juga merujuk kepada cara berfikir yang tersusun yang seterusnya membawa kepada sifat rasional serta keyakinan diri seseorang.

Menurut Omardin Ashaari (1996) disiplin juga mempunyai kaitan dengan tatasusila, kesopanan dan akhlak. Pelajar yang berdisiplin sentiasa bersifat rasional, berkeyakinan diri dan mempunyai ketabahan. Selain itu disiplin bukan sahaja bererti mempunyai dan menghayati pelakuan yang diharapkan oleh masyarakat, tetapi sanggup juga taat dan setia kepada sekolah dan negara. Seseorang yang berdisiplin itu beradab, menjaga tatatertib, berakhlak mulia mematuhi agama dan nilai-nilai kebudayaan.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran telah menghuraikan maksud disiplin dengan lebih mendalam, yang berbunyi;

Disiplin sebagai kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang, sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan sendiri; juga kesanggupan seseorang itu berkerja atau membuat sesuatu yang cukup bertertib, kesanggupan menghormati hak individu lain, mengamalkan tingkah laku hormat-menghormati antara satu sama lain, dan mempunyai semangat tolong-menolong dan membaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina, serta sanggup berkhidmat untuk masyarakat.

2.2 Definisi Ponteng

Mengikut Oxford English Dictionary (1965) ponteng ialah:

“one who absents himself from place of work, especially the child who stays away from school without leave”

Pada pandangan Ruhiyati Idayu (1986) ponteng dari segi pendidikan dimengertikan sebagai tuang sekolah atau tidak hadir ke sekolah tanpa izin guru. Beliau juga berpendapat bahawa ponteng adalah adalah satu daripada berbagai-bagai jenis masalah disiplin yang dihadapi oleh pihak sekolah sama ada di bandar atau di luar bandar.

Menurut Ismail (dilaporkan oleh Manja 1990) merumuskan ponteng sebagai pelajar yang datang ke sekolah tetapi menghilangkan diri pada sebahagian daripada waktu belajar tanpa izin guru. Begitu juga jika didapati seseorang pelajar meninggalkan kelas disebabkan tidak menyukai sesuatu mata pelajaran atau gurunya tindakan itu dikatakan ponteng. Sama ada dengan atau tanpa izin guru.

‘Ponteng sekolah’ berbeza dengan ‘tidak hadir sekolah’ perlakuan atau kegiatan ponteng sekolah boleh dikategorikan sebagai “socialised or sub cultural delinquency” iaitu satu bentuk kenakalan yang ada hubungannya dengan kesan solialisasi dan berkembang di kalangan pelajar-pelajar tertentu. Perlakuan ini tercetus hasil dari keadaan ketegangan yang wujud

dalam diri pelajar-pelajar. Sementara masyarakat menganggapnya sebagai perlakuan yang tidak dapat diterima (Quay 1978)

Yaakub Hj. Yusof (1977) mentakrifkan murid ponteng sebagai, “murid yang tidak hadir ke sekolah atau yang tidak hadir belajar, tanpa izin guru atau ibu bapa , ini termasuklah murid-murid yang meninggalkan kelas tanpa izin guru atau lari keluar dari kawasan sekolah pada waktu yang sepatutnya mereka wajib mengikuti pelajaran mereka di dalam bingkai darjah masing-masing”

Ibrahim (1986) pula menyatakan ada tiga bentuk kegiatan ponteng sekolah, satu daripadanya adalah ;

“ mereka yang senaja tidak datang ke sekolah, mereka keluar dari rumah dengan pakaian sekolah dan bag berisi buku-buku tetapi tidak sampai ke sekolah, sebaliknya pergi ke kebun-kebun bunga, panggung wayang, pusat-pusat membeli- belah atau tempat-tempat sunyi.”

Jaafar (1977) dalam Ibrahim Saad (1986) , mempunyai pandangan yang agak berbeza dalam mentakrifkan makna “ponteng sekolah” iaitu pelajar yang tidak ke sekolah tanpa pengetahuan atau izin guru dan ibu bapa atau penjaganya. Sebaliknya pelajar yang tidak hadir ke sekolah kerana membantu ibu bapa di rumah tidak dianggap “ponteng sekolah”.

Dalam kajian ini salah laku ponteng sekolah boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu ponteng sekolah berterusan dan ponteng sekolah berkala.

Berpandukan kepada panduan yang diterbitkan oleh Unit Disiplin, Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) tahap ponteng sekolah adalah seperti berikut :

Jadual 2.1 : Ponteng sekolah berterusan / berkala

Surat Amaran	Ponteng Sekolah Berterusan	Ponteng Sekolah Berkala
	1 hari tidak hadir (P) Berturut-turut	Hari tidak hadir (P) bukan Berturut-turut
Pertama	Pada hari ke 3	Pada hari ke 10
Kedua	7 hari selepas amaran pertama	10 hari selepas amaran pertama
Terakhir	7 hari selepas amaran kedua	20 hari selepas amaran kedua.
Buang Sekolah	14 hari selepas amaran terakhir	20 hari selepas amaran terakhir
Jumlah Hari Tidak Hadir	31 hari berturut-turut	60 hari berturut-turut

Di dalam kajian ini kriteria yang digunakan untuk memastikan seseorang pelajar itu ponteng adalah dengan mengambil kira apabila pelajar itu ponteng sekurang-kurangnya 3 hari dalam sebulan secara berterusan dan 7 hari dalam sebulan secara berkala. Kriteria ini digunakan kerana pelajar yang tidak hadir selama 3 hari dalam sebulan bererti ia ponteng hampir 15 % daripada masa persekolahannya dalam sebulan. Bagi pelajar yang tidak

hadir selama 7 hari dalam sebulan bermakna ia ponteng hampir 2 hari dalam seminggu, ini bererti ia ponteng hampir 40 % daripada masa persekolahan dalam seminggu atau 35% dalam sebulan. Tujuan penetapan sebegini adalah bagi memastikan amalan ponteng yang dilakukan oleh pelajar adalah kes ponteng yang sebenarnya.

2.3 Faktor Dalaman Sekolah

Faktor dalaman sekolah adalah apa juga unsur yang terdapat di dalam kawasan sekolah samada dalam bentuk fizikal atau bukan fizikal yang dapat mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran pelajar.

Manja (1990) menyatakan bahawa suasana di sekolah yang mempengaruhi perlakuan ponteng sebagai :

- a. Merangkumi suasana fizikal bilik darjah yang kurang selesa seperti banyaknya bilangan pelajar dalam kelas, ruang yang tidak mencukupi, keadaan kerusi yang tidak memuaskan, kurang kemudahan (kipas, lampu, kurang cahaya dalam kelas, kedudukan kelas yang terdedah kepada kebisingan, panas dan sebagainya.)
- b. Perkara-perkara yang berkaitan dengan pelajaran seperti teknik pengajaran guru, isi pelajaran yang diajarkan, matlamat pendidikan yang berorientasikan peperiksaan serta beban pelajaran yang disogokkan kepada pelajar.

- c. Perlakuan rakan sebaya yang tidak menyenangkan perasaan pelajar-pelajar dalam kelas atau sekolah, rakan sebaya yang suka melakukan ponteng dan perbezaan taraf sosioekonomi di kalangan rakan-rakan menimbulkan perasaan tidak minat pelajar-pelajar terhadap pelajaran.

Ruhyati (1986) mentakrifkan faktor sekolah sebagai struktur sekolah itu sendiri. Ini dimaksudkan peranan guru besar, nilai guru, kemudahan-kemudahan pelajaran dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sesebuah sekolah itu.

Malek Murad (1982) mentaksifkan faktor sekolah sebagai sistem sekolah yang terdiri dari struktur kekuasaan oleh pihak pengurusan, bebanan kerja guru, peperiksaan, tekanan masyarakat terhadap guru-guru untuk melahirkan keputusan peperiksaan yang baik, keadaan bilik darjah (hubungan guru dengan murid) dan peranan ibu bapa (PIBG).

A. Rajaguru (1982) dalam Ibrahim Saad menyatakan faktor sekolah yang mempengaruhi gejala ponteng adalah :-

- a) Sukatan pelajaran, pengajaran dan peperiksaan
- b) Aktiviti-aktiviti yang mengganggu di sekolah.
- c) Guru-guru dan pengambilan guru-guru serta
- d) Pengetua dan pentadbiran

Kajian oleh Power (1967 ,1972) ; Lacey (1970) ; Reynolds (1977) dan Willis (1977) dalam T. Marimuthu (1996) memberi perhatian kepada faktor sekolah kepada proses-proses interaksi di dalam sekolah, upacara dan peraturan, sistem hadiah dan hukuman, proses melebel dan iklim-iklim sekolah.

Pada pendapat Mohd Tajudin Abdul Rahman (1995) faktor sekolah mengandungi unsur-unsur seperti struktur bilik darjah, interaksi antara guru dan pelajar, pelajar-pelajar, pelajar-persekitaran serta harapan yang diharapkan oleh sekolah berkenaan.

Unit Disiplin Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan (1994) mengklasifikasikan faktor sekolah yang menyumbang kepada gejala ponteng adalah pengurusan dan pentadbiran sekolah, guru, kemudahan bilik darjah dan rakan sebaya di sekolah. Berdasarkan kajian-kajian, definisi dan penemuan yang lalu penyelidik dalam kajian ini akan hanya menumpukan faktor sokolah sebagai :-

- a) Proses Pengajaran guru.
- b) Pengurusan Kelas.
- c) Pengurusan Aktiviti Kokurikulum.
- d) Rakan Sebaya.
- e) Keadaan Keceriaan Sekolah.

2.4 Definisi Proses Pengajaran dan Pembelajaran.

Menurut Ee Ah Meng (1994) pembelajaran boleh ditakrifkan sebagai perubahan tingkah laku yang agak tetap dan ini berlaku kerana pengalaman atau latihan yang diteguhkan. Pembelajaran berlaku apabila rangsangan di proses oleh otak seseorang individu untuk menjadi pengalaman. Pembelajaran boleh juga difahamkan sebagai satu proses yang menghasilkan perubahan tingkah laku seseorang individu sebagai satu reaksi terhadap sesuatu keadaan yang dihadapi. Perubahan tingkah laku ini bukanlah disebabkan oleh kematangan atau faktor biologi.

2.5 Definisi Pengurusan kelas

Bilik darjah merupakan tempat di mana proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Secara resminya bilik darjah boleh ditakrifkan sebagai sebuah bilik di mana sekumpulan murid diajar oleh seorang guru. Ee Ah Meng (1997) mendefinisikan pengurusan bilik darjah sebagai satu proses yang melibatkan penyusunan fizikal sesebuah bilik darjah, serta galakan komunikasi dan interaksi antara murid. Penyusunan fizikal bilik darjah merangkumi aspek penyusunan kerusi meja serta penjaminan secukupnya cahaya dan udara untuk pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Selain itu pengurusan bilik darjah juga melibatkan penyediaan persekitaran sosioemosi yang sihat.

Persekitaran Sekolah dan kelas dalam bentuk fizikal adalah merujuk kepada kelengkapan dan peralatan fizikal serta suasana yang meliputi keceriaan dan keindahan, kekemasan dan kebersihan, keselamatan dan penyelenggaraan. Persekitaran ini adalah mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran (Jemaah Nazir Persekutuan, 1993)

2.6 Definisi Pengurusan Aktiviti Kokurikulum

Menurut Ee Ah Meng (1997) kokurikulum adalah satu saluran pembelajaran yang berasaskan gerak kerja yang tersusun dan terancang. Gerak kerja ini merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran bilik darjah yang dijalankan melalui pertubuhan beruniform, persatuan atau kelab dan unit permainan serta sukan. Aktiviti-aktiviti kokurikulum menyediakan peluang bagi murid untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah dipelajari di dalam bilik darjah. Menurut beliau lagi aktiviti-aktiviti yang sebahagian besarnya dilakukan di luar bilik darjah disebut kokurikulum

Hong Siang Ean (1996) menyatakan kokurikulum adalah bahagian kurikulum yang merangkumi pengalaman yang biasanya tidak dapat diperolehi di dalam bilik darjah, merancang aktiviti persatuan/sukan program-program perhimpunan, sukan antara pasukan atau sekolah, berkhemah dan lain-lain aktiviti di bawah pengelolaan sekolah.

Menurut Abd. Alim Abdul Rahim (1994 : 1-9) aktiviti yang dilakukan di luar bilik darjah disebut kokurikulum. Aktiviti, proses dan isi kandungan pengajaran dan pembelajaran kokurikulum dilaksanakan sama ada melalui badan beruniform, persatuan, kelab, sukan dan permainan.

Kemahiran mengurus kegiatan kokurikulum di sekolah merupakan satu proses yang sangat penting bagi memcapai matlamat dan tujuan kokurikulum. Mengikut Kamus Dewan (1970), mentadbir ialah mengelola, menjalankan dan memerintah atau mengarah. Manakala mengurus pula ialah mengendali, mengelola dan menjaga sesuatu perkara supaya teratur, rapi dan sempurna; menyelenggara dan menyelesaikan sesuatu perkara. Mohd. Ismail Zamzam (1993), menyatakan bahawa mengurus dalam konteks berpesatuan bermaksud perbuatan pemimpin lebih memperlihatkan kemampuannya atau keupayaannya memperolehi sesuatu hasil dalam rangka pencapaian tujuan melalui kegiatan-kegiatan orang lain.

2.7 Definisi Rakan Sebaya

Rakan sebaya bolehlah disifatkan sebagai kelompok yang terdiri daripada ahli-ahli yang sama umur. Oleh itu semua ahli-ahli mempunyai umur yang setara atau hampir sebaya. Dalam kelompok seperti ini, seseorang kanak-kanak dapat mempelajari pengalaman yang baru di mana ini tidak boleh didapati dari keluarganya sendiri. Mengikut R.J Havighurst dan B.L Neugarten (1975) pula:

“...Kelompok sebaya adalah satu kelompok yang khusus (specific) di mana kanak-kanak berinteraksi seperti mana yang berlaku dalam keluarga. Kelompok ini biasanya mempunyai dunia yang tersendiri dengan peraturan-peraturan dan norma-norma yang tertentu...”

Dari pendapat di atas dapatlah dikatakan bahawa kelompok sebaya dianggotai oleh ahli-ahli yang tertentu. Ahli-ahlinya pula mesti boleh menyesuaikan diri dengan kehendak kelompok. Oleh itu faktor umur, minat dan kehendak yang sama adalah menjadi ukuran yang penting dalam pemilihan ahli-ahlinya.

Bossard (1971). (dalam Ab. Manab 1981) menyimpulkan rakan sebaya sebagai :

“Mereka yang terdiri daripada orang yang tidak melebihi 20 orang, mempunyai lingkungan umur yang tidak berbeza jarak antara satu dengan yang lain, mempunyai cita-cita, idealisme dan minat yang hampir sama. Biasanya kumpulan ini melakukan kesalahan yang dianggap kecil. Mereka juga datang dari kelas sosial yang sama dan sekolah serta tempat tinggal yang berdekatan.”

2.8 Definisi Keceriaan Sekolah

Menurut Omardin Ashaari (1996) keceriaan sekolah dapat dirujuk dari sudut ekologi ataupun secara mudahnya ia merujuk kepada faktor-faktor fizikal, seperti bangunan dan tapak, keindahan taman, kemudahan alatan bahan bantuan mengajar dan lain-lain lagi.

2.9 Kajian empirikal ke atas pembolehubah yang ditetapkan

2.9.1 Hubungan Proses Pengajaran dan Pembelajaran dengan Gejala Ponteng

Dapatan dari kajian oleh Nabil Abdul Latif (1994) mendapati antara faktor proses pengajaran iaitu penyampaian guru yang membosankan membawa kepada gejala ponteng. Mereka menghilangkan diri semasa guru yang tidak mereka minati mengajar dan menyembunyikan diri dalam tandas berada dalam perpustakaan dan merayau di sekitar kawasan sekolah.

Dapatan dari hasil kajian beliau juga mendapati bahawa mata pelajaran yang diajar di sekolah terlalu padat dan membebankan mereka. Keadaan tersebut menyebabkan mereka tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru, tidak berminat kepada guru yang mengajar dan tidak berminat kepada mata pelajaran yang diajar. Selain itu mereka bersikap negatif kepada peperiksaan dan beranggapan mereka tidak ada peluang untuk berjaya seterusnya menyebabkan mereka kurang minat belajar.

Sebahagian daripada pelajar beranggapan bahawa keputusan peperiksaan tidak dapat mengukur kebolehan sebenar mereka.

Pendapat ini biasanya dari pelajar jurusan kemahiran yang beranggapan kemahiran amali adalah lebih penting daripada keputusan bertulis.

Kajian terdahulu oleh Yaakub Hj. Yusop (1977) mendapati antara punca-punca pelajar ponteng adalah rasa bosan dengan pengajaran guru yang 'stereotype' terutama di kalangan yang mengulang dan kebencian terhadap mata pelajaran tertentu., di samping kecuaiian dalam menyediakan pengajaran yang sesuai untuk mereka yang mundur atau lemah dalam pelajaran.

Menurut Ee Ah Meng (1997) setengah-setengah murid berasa bosan atau tidak tercabar kerana bahan pengajaran yang disediakan itu kurang sesuai. Bahan-bahan yang digunakan gagal menarik minat atau terlalu sukar untuk mereka. Menurutnya lagi kaedah yang sesuai juga penting untuk merangsangkan murid-murid supaya mereka dapat memberi tumpuan terhadap penyampaian guru.

Selain itu sikap guru berleter juga mendorong pelajar ponteng. Lacey (Hussein Mahmood, 1985:23) dalam kajiannya mendapati bahawa pelajar-pelajar yang pada mulanya berpontensi dan berminat terhadap pelajaran akan menunjukkan sikap yang bertentangan seterusnya dicap oleh guru sebagai bodoh dan malas.

Pada tahun 1976, Ohagen membahagikan pelajar kepada (3) kategori iaitu

- a. Pelajar-pelajar yang suka bersekolah
- b. Pelajar-pelajar yang tak berminat dengan sekolah
- c. Pelajar-pelajar yang benci akan sekolah

Beliau mendapati pelajar dalam kategori b & c suka ponteng sekolah.

Raven pada tahun 1977-78 (Maya, 1990: 184) meninjau tentang faktor perlakuan ponteng yang ada kaitan dengan suasana sekolah, dapatan daripada kajian adalah .

- a. Satu pertiga daripada sampelnya (pelajar-pelajar) menyatakan kebencian mereka untuk ke sekolah.
- b. Pelajar merasakan sebahagian besar daripada subjek yang diajar tidak berguna dan amat menjemukan.
- c. Pelajar-pelajar tak puas hati dengan peranan sekolah dalam memberi ilmu pengetahuan dan pendidikan.

Menurut Raven lagi pelajar-pelajar yang tidak berminat dalam sesuatu subjek dan guru pula tidak berusaha menarik minat merreka. Akibatnya pelajar-pelajar akan hilang semangat dengan akan melakukan apa sahaja yang terlintas dalam pemikiran mereka.

Masalah di sekolah juga wujud kerana terdapat pencagahan nilai di antara guru-guru dan para pelajar. Minat dan kecenderongan para pelajar sering bertentangan dengan objektif-objektif sekolah dan inilah yang mneujudkan konflik.

Kajian tempatan oleh Loke (1981) merumuskan bahawa pelajar-pelajar yang bermasalah disiplin mendapati pengajaran guru-gurunya tidak menarik serta guru tidak menunjukkan minat ketika mengajar. Jika guru-guru tidak menunjukkan minat terhadap pengajaran, maka pengajaran mereka sudah tentu menjadi tidak menarik. Apabila pengajaran guru tidak menarik maka pelajar kehilangan minat terhadap pelajaran. Hilang minat terhadap pelajaran merupakan tanda-tanda akan berlaku masalah ponteng dan disiplin yang lain.

Kajian yang agak terawal telah dilakukan oleh Reavis dalam tahun 1920 (Manja, 1990:18). Beliau mengkaji tentang faktor-faktor yang ada kaitan dengan perlakuan ponteng di kalangan pelajar sekolah menengah. Hasil kajiannya mendapati bahawa kemunduran pelajar-pelajar dalam pencapaian akademik adalah salah satu daripada faktor yang mendorong ponteng sekolah. Reavis juga mendapati bahawa kecekapan dan keberkesanan pengajaran guru dapat menghindar pelajar daripada melakukan kegiatan ponteng.

Pada tahun 1971, Bachman dan rakan-rakan mengkaji keciciran (Manja ,1990:185). Mereka mendapati punca-punca utama yang mendorong perlakuan ponteng adalah suasana sekolah (48%) dan yang merangkumi kesulitan dalam pembelajaran, mundur dalam pencapaian akademik, kurang meminati kerja-kerja sekolah dan peraturan disiplin yang dilaksanakan di sekolah. (Maya , 1990: 185)

Dunhill (1965) berpendapat sikap guru dalam proses pengajaran mempengaruhi disiplin pelajar di dalam kelas. Guru yang terlalu garang akan menyebabkan pelajar amat takut kepadanya. Keadaan ini menimbulkan perasaan geram terhadap guru tersebut dan bukan satu yang luar biasa apabila pelajar sebut ponteng setiap kali guru itu mengajar. Selain itu sikap guru yang memberi tumpuan yang lebih kepada pelajar yang pandai juga menyebabkan pelajar lain menjadi bosan dan malas untuk belajar.

Dunhill juga mendapati bahawa sikap guru yang tidak berminat terhadap pelajar, tidak cekap atau kurang bersungguh-sungguh menjalankan tugas akan menyebabkan pelajar tidak menumpukan perhatian terhadap apa yang cuba diajar. Keadaan itu mengujudkan salah laku di dalam kelas.

Persediaan mengajar yang baik dapat memudahkan proses pengajaran dalam bilik darjah , untuk menilai aspek persediaan, kriteria-kriteria yang merangkumi penyediaan bahan dan alat yang diperlukan dan kesesuaian bahan pengajaran persediaan awal guru perlu diambil kira. (Nik Aziz Nik Pa 1991)

Sikap dan tingkah laku guru banyak mempengaruhi pelajar, ini kerana guru model yang terdekat dan amat berpengaruh. (Atan Long 1980, Sharifah Alwiah Alsagoff , 1983)

Dalam proses pembelajaran dan pengajaran, hubungan dua hala di antara pelajar dengan guru amat penting, jikalau tiada kerjasama di antara dua pihak, masalah disiplin akan timbul. Guru-guru yang telah biasa dengan cara didikan kelas menengah tidak dapat menerima bahasa dan perlakuan pelajar yang datang dari perbagai latar belakang. Oleh itu terdapat guru-guru yang bersikap ditaktor dan berkelakuan yang tidak disenangi oleh pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Keadaan sebegini menyebabkan berlakunya pemberontakan dari pelajar. Akibatnya akan berlaku kejadian pelajar yang melawan guru dan pelajar yang tidak mengikut peraturan sekolah.. (Grag'ey et. al, 1968).

Oakes (1985) mendapati pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian yang rendah adalah tidak komited kepada sekolah berbanding dengan pelajar yang pencapaian tinggi. Ini adalah kerana guru tidak memberi cabaran yang cukup dan sesuai kepada mereka. Guru yang mengajar juga mempunyai kurang daya motivasi di samping meletakkan harapan yang rendah terhadap pelajar berkenaan.

2.9.2 Hubungan Proses Pengurusan Kelas dengan Gejala Ponteng

Menurut Ee Ah Meng (1997) suasana fizikal bilik darjah adalah penting bagi pembelajaran sebab ia boleh menggalakkan atau menghalang pembelajaran. Suasana bilik darjah yang teratur merupakan sebahagian daripada pengajaran yang berkesan. Marland (1975) dalam Ee Ah Meng, menyatakan bahawa suasana fizikal bilik darjah mungkin merupakan 'kawan' atau 'musuh' dalam pengajaran. Susunan fizikal bilik darjah boleh memberi sumbangan dari segi kawalan, pembelajaran, perhubungan guru dengan murid, juga antara murid dengan murid dan keseronokan berkerja bersama-sama.

Omardin Ashaari (1996) memperjelaskan bahawa bilik darjah merupakan unit terpenting di sekolah oleh kerana terdapatnya proses pengajaran dan pembelajaran serta interaksi antara guru dengan pelajar. Masalah disiplin pelajar juga bermula di bilik darjah yang tidak diurus dengan baik. Persediaan dan teknik mengajar, kaedah

guru mengelola dan menguruskan kelas, strategi yang digunakan oleh mereka untuk menyelesaikan masalah disiplin dan kegiatan pembelajaran di dalam kelas mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pengawalan disiplin kelas.

Fraser (1986) menegaskan bahawa peranan persekitaran kelas merupakan aspek yang penting dalam menentukan tahap penghasilan kemajuan pelajar. Oleh itu tidak siapa yang dapat menafikan bahawa peranan persekitaran kelas dalam memberi keberkesanan dalam memperbaiki tahap pencapaian di sekolah.

Kajian Purkey (1983) mendapati bahawa terdapat pelbagai sebab dan punca masalah disiplin berlaku dalam kelas.

Madsan dan Masden (1974) menunjukkan salah laku pelajar di dalam kelas disebabkan suasana tempat tinggal, perhubungan rakan sebaya, persekitaran sekolah dan guru itu sendiri. Kelas yang sesak akan menyebabkan pelajar tidak bertindak agresif (Claive Russell, 1979). Kajian Bennett dan Blundell (1983) menunjukkan bahawa peningkatan tingkah laku pelajar ke arah kebaikan apabila pelajar duduk di dalam suatu barisan. Pendapat ini adalah bersamaan dengan Wheldall et. Al (1981) yang telah memperkatakan bahawa kedudukan di dalam barisan dapat memperbaiki tingkah laku ke arah positif dan memberi kesan yang baik untuk pelajar datang ke kelas .

Beliau juga mendakwa bahawa gangguan pembelajaran adalah rendah jika pelajar menduduki tempat duduk mengikut jantina yang berlainan.

Freedman (1975) pula menyatakan tingkah laku anti sosial tidak ditunjukkan dengan nyata tetapi ia dapat meningkat tindak balas kepada keadaan tidak diingini di dalam kelas yang sesak dan Cordell dan Connon (1985) menyatakan pelajar yang menunjukkan tingkah laku kesukaran untuk memberi perhatian dan mengikut tunjuk arah memerlukan persekitaran kelas yang fleksibel dan juga struktur kelas itu sendiri.

Kajian Barkley (1981) menunjukkan bahawa masalah pelajar yang menghadapi kesukaran untuk memberi perhatian di dalam kelas kerap kalinya dikaitkan dengan kawalan pelajar yang longgar. Dunhill (1965) pula menyatakan bahawa keadaan di dalam kelas yang tidak dikelolakan dengan baik akan menimbulkan masalah disiplin kerana keadaan sedemikian akan menimbulkan tingkah laku yang kurang baik di kalangan pelajar.

Mc Partland dan Mc Dill (1977) berpendapat kemudahan dan suasana dalam bilik darjah yang tidak selesa akan menimbulkan kebosanan kepada pelajar.

Menurut Mohd Nor Long sistem pembahagian kelas mengikut pencapaian juga memberi kesan dari segi psikologi ke atas pelajar. Mereka yang diletakkan di dalam kelas yang lemah akan hilang motivasi untuk belajar kerana mereka menganggap diri mereka lemah dan tak akan lulus peperiksaan.

Kajian Leong Yin Ching (1990) mendapati aktiviti yang berlaku di dalam kelas dan sekolah mempunyai pengaruh langsung ke atas pandangan pelajar mengenai persekolahan dan usaha untuk meningkatkan prestasi akademik selain tingkah laku guru dalam pengajaran, kaedah mengajar yang diamalkan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti kelas mempengaruhi pencapaian pelajar dan tahap disiplin mereka.

Jessup dan Kiley (1971) pula menunjukkan bahawa pelanggaran peraturan disiplin di dalam bilik darjah disebabkan oleh tingkah laku guru yang mengajar itu sendiri di samping pelajar-pelajar di dalam kelas tersebut. Ini adalah kerana sikap guru terhadap seseorang pelajar di dalam kelas tersebut mempengaruhi tingkah laku pelajar tersebut. (Helton, Oakland, 1977). Ia juga disebabkan oleh campurtangan pihak pentadbir sekolah.

2.9.3 Hubungan Pengurusan Aktiviti Kokurikulum dengan Gejala Ponteng.

Dapatan dari kajian Yaakub Hj. Yusof (1997) mendapati murid tidak berminat dalam aktiviti sekolah di mana didapati 66.67% hingga 83.30% daripada pelajar yang ponteng tidak cergas dalam sukan dan permainan dan 33.3% hingga 41.7% pula tidak mencebur diri dalam gerak kerja persatuan.

Abu bakar Nordin (1991) menyatakan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum akan membolehkan pelajar itu mengalami dan merasa bentuk kegiatan yang akan ditemui dalam alam dewasa kelak. Beliau juga berpendapat bahawa kegiatan kokurikulum dapat membentuk persekitaran sekolah yang menyeronokan dan menarik minat pelajar untuk datang ke sekolah serta berupaya menimbulkan rasa cinta dan taat kepada sekolah.

2.9.4 Hubungan Rakan Sebaya dengan Gejala Ponteng

Dapatan dari kajian Hayadin bin Baidawi (1997) menunjukkan faktor rakan sebaya mempengaruhi masalah disiplin di sekolah pada tahap kekuatan serdahana. Kebanyakan responden menunjukkan lebih 50% bersetuju bagi aspek rakan sebaya mempengaruhi melakukan salah laku, mengajak kawan berbuat bising, tidak hadir ke sekolah, keluar kelas, lewat masuk kelas dan lain-lain.

Berdasarkan teori Parsons Hallinan (1983) menyatakan bahawa faktor pembentukan tingkah laku dan pendapat seseorang itu adalah melalui kepercayaan yang diperolehinya. Seseorang itu mudah dipengaruhi apabila ia memerlukan maklumat dan interaksi di antara satu sama lain. Mudah atau sukar seseorang itu menerima maklumat dari luar akan ditentukan oleh kepercayaan kepada sumber yang diterima. Teori Parson's adalah berpusat kepada dua perkara utama yang dapat mempengaruhi persahabatan iaitu kepentingan persahabatan secara terus dan peranan kepercayaan dalam menentukan sejauh manakah tahap pengaruh ke atas seseorang itu.

Menurut Rohaty (1991) rakan sebaya merupakan aspek yang penting bagi mempengaruhi manusia khususnya golongan remaja. Dalam kajian Meng (1994), rakan sebaya sering kali menjadi sumber yang dapat mempengaruhi tingkah laku pelajar. Kajian ini juga menjelaskan bahawa rakan sebaya dapat membentuk sifat ketekunan, tanggung jawab, kerjasama, menepati masa, menghormati orang dewasa dan mematuhi peraturan yang sedia ada. Rohaty et. Al (1991) mendapati perkara sebaliknya juga boleh berlaku iaitu rakan sebaya juga akan dapat mempengaruhi serta mewujudkan masalah salah laku pelajar.

Jaakub (1977) pula menyatakan bahawa pengaruh rakan sebaya adalah penting pada peringkat umur 17 tahun kerana mereka mudah menerima nasihat rakan sebaya. Mengikut Turner (1977) pelajar-pelajar di sekolah dapat dibahagikan kepada tiga golongan iaitu golongan akademik, golongan bersuka-suka dan golongan delinkuen. Ini adalah kerana remaja amat mudah dipengaruhi oleh rakan mereka. Kartini (1985) menyatakan ini disokong oleh Abdul Alim (1988) dalam kajian yang menyatakan bahawa pelajar bersetuju yang rakan sebaya mempengaruhi tingkah laku mereka. Oleh itu ini menunjukkan bahawa pelajar telah mengetahui tentang kesan dan pengaruh rakan sebaya dalam hidup mereka.

Faktor rakan sebaya sememangnya ada kaitan dengan perlakuan ponteng sekolah, Manaster (1977) menyatakan bahawa rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam membentuk sub budaya sekolah. Pada tahun 1974 Second dan Beakman pula menegaskan bahawa pengaruh rakan sebaya mendorong pelajar melakukan kegiatan-kegiatan yang melanggar peraturan sekolah seperti ponteng menurut Turner (1977), beliau mengkategorikan sub budaya pelajar kepada tiga bahagian iaitu, akademik, bersuka-suka, dan delinkuens. Daripada sub budaya inilah bermulanya kemungkinan sama ada pelajar-pelajar menjadi bodoh, jahat atau tidak mengambil berat terhadap pelajaran.

Hodges pada tahun 1968 (Maya 1994: 190) ada menyatakan bahawa status sosial ekonomi keluarga yang rendah mempengaruhi suasana dalam keluarga dan menyebabkan anak-anak lebih gemar mencurahkan perasaan kepada rakan sebaya.

2.9.5 Hubungan keceriaan sekolah dengan gejala ponteng.

Jelas serta tidak dapat dinafikan bahawa persekitaran dan ekologi yang baik dapat mempengaruhi suasana pengajaran dan pembelajaran serta disiplin pelajar di sesebuah sekolah. Omardin Ashaari (1996) berpendapat bagi meningkatkan keceriaan sekolah, tumpuan harus diberikan kepada aspek-aspek seperti kebersihan bangunan dan kawasan sekitar sekolah. Menurut beliau lagi *Sekolah Dalam Taman* yang berkonsepkan keceriaan merentas kurikulum dapat mengujudkan suasana yang menarik minat pelajar untuk belajar.

Suasana di sekolah yang kurang merangsang pula adalah salah satu daripada punca berlakunya ponteng. Kemudahan dan suasana dalam bilik darjah yang tidak selesa akan menimbulkan kebosanan kepada pelajar-pelajar seperti yang dinyatakan oleh Mc Partland dan Mc Dill (1977).

Selain itu saiz dan bentuk fizikal sekolah juga memberi kesan terhadap gejala ponteng, menurut Bailey (1978) dan Reynolds (1977) sekolah yang besar atau keadaan yang bersesak-sesak mempunyai pertalian yang signifikan dengan masalah ponteng, berbanding dengan sekolah yang kecil.

Dapatan dari kajian Aziz Bakar (1997) mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan positif di antara faktor kemudahan fizikal sekolah dengan gejala ponteng di kalangan pelajar. Hal ini di sokong oleh penemuan kajian Campbell et. al, 1988 dan Farid 1982 yang turut mendapati persekitaran sekolah memberi kesan kepada minat, sikap dan prestasi pelajar. Beliau juga mendapati faktor persekitaran sekolah memainkan peranan yang lebih berkesan berbanding peranan ibu bapa.

Menurut Robbins (1993), Koontzi dan Wiehrich persekitaran adalah menunjukkan kepada faktor-faktor luaran yang dapat mempengaruhi tindakan dan tatacara membuat kepentingan individu atau organisasi. Campbell e.t. al (1988) pula telah mendapati persekitaran sekolah telah memberi kesan kepada minat, sikap dan prestasi pelajar. Beliau juga mendapati faktor persekitaran sekolah memainkan peranan yang lebih berkesan berbanding dengan peranan ibu bapa pelajar.

Farid (1982) berpendapat persekitaran juga merupakan angkubah bebas yang akhirnya akan menjadi pendorong reputasi pelajar atau menjejaskan. Sheldon dan Cilueck (1975) telah menyatakan untuk membandingkan kanak-kanak kurang berdisiplin dengan yang berdisiplin mendapati bahawa 89% daripada kanak-kanak kurang berdisiplin membenci dan bersifat tidak begitu memperdulikan hal persekitaran. Hanya 34% dari kumpulan kanak-kanak berdepan yang bersifat demikian. Kajian ini juga mendapati bahawa pelajar yang kurang berdisiplin mempunyai sifat kurang kemampuan untuk belajar, benci kepada peraturan sekolah, kerja-kerja harian dan kurang berminat. Menurut Gallaway (1976) pula, masalah mematuhi peraturan dan disiplin sekolah timbul disebabkan oleh sikap pelajar yang tidak dapat membuat penyesuaian diri dari segi sosial iaitu di antara sekolah dengan rumah.

2.10 PENUTUP

Hampir-hampir setiap orang berasa rungsing dengan kejadian ponteng . Ibu bapa merasakan pencapaian anak mereka akan menurun jika dia ponteng. Masyarakat dan negara menanggung kerugian akibat perbuatan yang tidak bijak dan bertanggungjawab ini. Bakal generasi pemimpin akan tergugat kewibawaannya dan pelbagai unsur liar mudah meresap ke jiwa generasi yang sebegini. Sukatan pelajaran disediakan begitu adalah kerana peperiksaan jadi secara tidak langsung pelajar ponteng adalah sebab sistem

pelajaran itu sendiri. Ibrahim Saad (1986). Apakah peranan guru dan pihak pengurusan sekolah dalam usaha menangani permasalahan ini. Datuk Dr Wan Mohd. Zahid Bin Mohd Noordin (1994) dalam kata-kata aluan dalam buku “Panduan Bagi Mengatasi Masalah Ponteng Di Sekolah” menyatakan;

“ Guru adalah pengurus pendidikan yang memikul amanah besar demi membina generasi Malaysia abad ke-21..... Justru itu, guru-guru seharusnya menjadi model yang terbaik kepada pelajar-pelajarnya. Model yang unggul akan dikagumi oleh para pelajar. Bapa yang pengasih akan menambat hati para pelajar. Ibu yang penyayang akan menyubur-segarkan jiwa pelajar. Maka dengan itu para pelajar akan sentiasa terpikat dan terpanggil untuk ke sekolah, menikmati belaian kasih ibu-ibu dan bapa-bapa yang terpelajar lagi bijaksana.”

Bekas Menteri Pendidikan Datuk Amar Dr. Sulaiman Bin Haji Daud dalam buku yang sama menyarankan bahawa komitmen yang sepenuhnya amat diperlukan dari semua pihak bagi menangani masalah ponteng. Jelasnya usaha murni ini perlu diteruskan bagi memjamin impian dan harapan menjadikan Malaysia sebagai negara maju tidak terjejas.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan


Objektif utama kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap hubungan faktor dalaman sekolah dengan gejala ponteng di kalangan pelajar tingkatan 4 di kawasan bandar Jitra, Kedah.

Soal kaji selidik yang dibentuk dengan secara sistematik dan soalan-soalan yang dirancangkan cuba menekankan kepada aspek pengaruh faktor dalaman sekolah terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar. Segala bentuk soalan yang dikemukakan diharap dapat memberikan gambaran sebenar dan dijangkakan akan dapat menyelesaikan persoalan serta objektif kajian ini dilakukan.

3.2 Kerangka Model Kajian

Model kajian ini dibentuk supaya dapat dijadikan asas dan panduan dalam kajian ini. Kerangka model kajian ini diperkembangkan berdasarkan model yang diwujudkan oleh pengkaji dan penyelidik yang lalu. Fokus utama

bagi kajian ini adalah mengukur tahap hubungan antara gejala ponteng dengan faktor dalaman sekolah. Kerangka model kajian adalah seperti gambarajah 3.1 di bawah.



Rajah 3.1 : Kerangka Model Kajian: Hubungan Gejala Ponteng Dengan Faktor Dalaman Sekolah.

3.3 Hipotesis kajian

Daripada ulasan karya terpilih dan dari objektif kajian, Hipotesis-hipotesis berikut telah dibentuk:

1. Ho: Tidak terdapat hubungan signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor proses pengajaran guru.
H₁: Ada hubungan signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor proses pengajaran guru.

2. Ho: Tidak terdapat hubungan signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor sistem pengurusan kelas.
H₁: Ada hubungan signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor sistem pengurusan kelas.

3. Ho: Tidak terdapat hubungan signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor rakan sebaya di sekolah.
H₁: Ada hubungan signifikan terhadap gejala ponteng sekolah di kalangan pelajar oleh faktor rakan sebaya di sekolah.

4. Ho: Tidak terdapat hubungan signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor pengurusan kokurikulum di sekolah.
- H₁: Ada hubungan signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor pengurusan kokurikulum di sekolah.
5. Ho: Tidak terdapat hubungan signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor keadaan keceriaan sekolah.
- H₁: Ada hubungan signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor keadaan keceriaan sekolah.
6. Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gejala ponteng di antara pelajar lelaki dan perempuan.
- H₁: Ada perbezaan yang signifikan terhadap gejala ponteng di antara pelajar lelaki dan perempuan.

7. Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gejala ponteng di antara pelajar yang berlainan keturunan.
- H₁: Ada perbezaan yang signifikan terhadap gejala ponteng di antara pelajar yang berlainan keturunan.
8. Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gejala ponteng di antara pelajar yang berlainan pencapaian PMR.
- H₁: Ada perbezaan yang signifikan terhadap gejala ponteng di antara pelajar yang berlainan pencapaian PMR.
9. Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh proses pengajaran guru, pengurusan kelas, rakan sebaya, pengurusan kokurikulum dan keceriaan sekolah.
- H₁: Ada hubungan yang signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh proses pengajaran guru, pengurusan kelas, rakan sebaya, pengurusan kokurikulum dan keceriaan sekolah.

3.4 Subjek Kajian dan Kaedah Persampelan.

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar yang sedang belajar di tingkatan 4 bagi tahun 1998 di semua sekolah kawasan bandar di Jitra, Kedah, kecuali sekolah berasrama penuh. Pelajar adalah mereka yang pernah melakukan salah laku ponteng. Oleh itu kajian ini hanya akan memilih responden yang terlibat secara langsung serta nama mereka sedia tersenarai di dalam buku laporan disiplin sekolah.

Pelajar tingkatan 4 adalah mereka yang telah melepasi peperiksaan PMR (Penilaian Menengah Rendah) di sekolah bantuan kerajaan dan berusia dalam lingkungan 16 tahun. Tingkatan empat hari ini dianggap sebagai *holiday class* atau *honeymoon class*. Sama ada mereka lulus dalam ujian bulanan setengah tahun atau akhir tahun sudah tidak menjadi kudis lagi. Mereka sudah pasti naik ke tingkatan lima. Masa yang terluang atau terbiar sepanjang tahun itu hanya digunakan secara serius oleh sebahagian pelajar yang berminat besar dalam pelajaran. Ramai pelajar lain mengambil kesempatan untuk ponteng.

Persampelan merupakan pengambilan sebahagian pecahan daripada sesuatu populasi, atau jujuk penuh sebagai mewakili populasi. Penyelidik di sini menggunakan persampelan rawak mudah (Simple random sampling) untuk mendapatkan sampel kajian yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang terlibat dengan salah laku ponteng

Populasi kajian ini ialah semua pelajar tingkatan 4 sekolah bantuan kerajaan (tidak termasuk sekolah asrama penuh) kawasan bandar yang pernah melakukan salah laku ponteng sama ada berkala atau berterusan di daerah Jitra, Kedah. Berdasarkan kepada populasi ini, seramai 241 pelajar. (30% dari populasi) akan dipilih secara rawak mudah sebagai responden atau saiz sampel kajian. Saiz sampel yang dipilih adalah bersesuaian dengan analisis yang akan dilakukan pada akhir kajian ini.

Sekaran (1992), menyatakan jika saiz sampel adalah terlalu besar, satu perhubungan yang lemah akan mencapai tahap signifikan dan kita akan dipengaruhi untuk mempercayai bahawa tahap signifikan yang diperolehi dari sampel ini adalah benar mewakili populasi walaupun pada hakikatnya ianya adalah tidak benar. Oleh itu sampel yang terlalu besar maupun terlalu kecil tidak akan berkesan bagi penyelidikan. Roscoe (1975), mencadangkan beberapa kaedah dalam menentukan saiz sampel. Salah satu kaedah yang disarankan ialah saiz sampel seharusnya melebihi 30 dan hendaklah kurang dari 500. Ini berpatutan bagi kebanyakan kajian yang dijalankan. Pendapat ini disokong pula oleh Gay dan Diehi (1992) yang menyatakan bahawa sekurang-kurangnya 30 responden diperlukan bagi menunjukkan sama ada perhubungan di antara 2 pembolehubah dalam analisis korelasi.

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan dua sumber utama iaitu sumber data primer dan sumber data sekunder.

Pengumpulan data primer dilakukan oleh penyelidik sendiri dengan bantuan dan kerjasama pihak pengurusan sekolah serta keizinan dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala data sekunder diperolehi melalui kajian atau pembacaan ke atas bahan-bahan cetak seperti buku-buku, latihan ilmiah serta jurnal-jurnal penyelidikan. Data sebegini sangat berguna untuk membincangkan beberapa isu penting dalam bab 1 dan 2 di dalam kajian ini.

3.5.1 Sumber Data Primer

3.5.1.1 Temubual

Temubual ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat terus dari pelajar dan guru disiplin sendiri. Teknik ini merupakan kaedah bagi mendapatkan maklumat awal. Maklumat-maklumat ini membantu dalam penyediaan soalan di dalam soal selidik. Teknik ini membolehkan responden memberi pendapat secara bebas dan tidak terhad kepada soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik sahaja. Selain itu teknik ini dapat menghasilkan maklumat-maklumat yang sah serta mendalam dari responden.

3.5.1.2 Soal selidik

Borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar adalah dalam bentuk soalan tertutup (closed ended) dan juga soalan terbuka (open ended). Soal selidik ini dibahagikan kepada 7 bahagian utama, iaitu bahagian A terdiri dari 3 soalan mengenai jantina, bangsa dan pencapaian akademik. Bahagian B terdiri dari 6 soalan yang berkaitan dengan pengaruh proses pengajaran guru ke atas gejala ponteng. Bahagian C pula terdiri dari 6 soalan yang berkaitan dengan pengaruh rakan sebaya, bahagian D mengandungi 7 soalan berhubung dengan faktor pengurusan kelas serta bahagian E terdapat 5 soalan berkait faktor keceriaan sekolah. Pada bahagian F pula terdapat 6 soalan berkaitan dengan pengurusan aktiviti kokurikulum. Pada bahagian akhir 3 soalan penting berhubung dengan pembolehubah bersandar iaitu ponteng dikemukakan. Semua soalan-soalan berbentuk soalan tertutup. Secara keseluruhan terdapat 30 kenyataan dan 6 soalan objektif mengenai pelbagai aspek berkait pengaruh faktor-faktor dalaman sekolah ke atas gejala ponteng yang memerlukan responden memilih tahap persetujuan mereka. Dengan sebab itu bahagian ini

menggunakan Skala Likert dengan tahap-tahap persetujuan seperti berikut :

1. sangat tidak setuju
2. tidak setuju
3. tidak pasti
4. setuju
5. sangat setuju

3.5.2 Data Sekunder

Data sekunder didapati daripada sumber-sumber bertulis. Sumber data sekunder banyak diperolehi dari Perpustakaan Universiti Utara Malaysia, Pusat Sumber Institut Amiudin Baki dan dari rekod-rekod disiplin sekolah-sekolah serta Pejabat Pendidikan Daerah Kubang Pasu.

3.6 Kaedah Penganalisaan Data

Maklumat yang diperolehi dari borang soal selidik akan dikodkan dan dimasukkan ke dalam fail pangkalan data SPSS (Statistik Package For The Social Science For Window Versi 7.5). Program SPSS akan membuat pengiraan dan maklumat statistik dikeluarkan. Maklumat ini kemudiannya akan dipersembahkan dalam bab Analisa Kajian dalam bentuk jadual-jadual.

3.6.1 Analisa Kolerasi

Kaedah ini akan digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis yang telah dibentuk. Mengikut Sekaran (1992) kaedah ini dapat digunakan untuk melihat arah, kekuatan dan signifikan perhubungan di antara pembolehubah yang dikaji. Setiap hipotesis akan diuji pada paras keertian $p < 0.05$. Ini membawa maksud sekiranya nilai $p < 0.05$, hopotesis null akan ditolak. Dengan lain perkataan hipotesis kajian akan diterima dengan menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan di antara pembolehubah yang dikaji. Kekuatan arah dan perhubungannya diukur melalui nilai r yang boleh diringkaskan seperti berikut

$r = 0$	tiada sebarang perhubungan
$r = 0.1$ hingga 0.39	perhubungan yang lemah
$r = 0.4$ hingga 0.69	perhubungan yang kuat
$r = 0.7$ hingga 0.9	perhubungan yang sangat kuat

3.6.2 Analisa ANOVA sehala

Kaedah ini akan digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis yang telah dibentuk berdasarkan soalan 2 dan 3 pada bahagian A (Lihat soal selidik). Analisa ANOVA dapat digunakan bagi mengukur hubungan lebih daripada 2 faktor pada pembolehubah bebas dengan faktor bersandar iaitu gejala ponteng. Setiap hipotesis akan diuji

pada paras keertian $p < 0.05$. Ini membawa maksud sekiranya nilai $p < 0.05$, hipotesis null akan ditolak. Dengan lain perkataan hipotesis kajian akan diterima dengan menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan di antara pembolehubah yang dikaji.

3.6.3 Analisa Ujian -t

Kaedah ini akan digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis yang telah dibentuk berdasarkan soalan 1 bahagian A. (Lihat soal selidik). Analisa Ujian-t dapat digunakan bagi mengukur hubungan 2 faktor pada pembolehubah bebas dengan faktor bersandar iaitu gejala ponteng. Ujian ini cuba menguji adakah terdapat perbezaan gejala ponteng antara jantina. Hipotesis akan diuji pada aras keyakinan 0.05. Jika $t < 0.05$, hipotesis null akan ditolak. Dengan lain perkataan hipotesis kajian akan diterima dengan menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan di antara pembolehubah yang dikaji.

3.6.4 Analisa Regresi

Kaedah ini akan digunakan untuk menguji perhubungan antara semua pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Ujian Analisa Regresi digunakan untuk mengukur kekuatan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Analisa ini akan menunjukkan tahap kekuatan hubungan

bagi setiap pembolehubah bebas. Nilai T menunjukkan kekuatan hubungan sementara nilai P menunjukkan arah serta kewujudan hubungan antara pembolehubah yang dikaji. Melalui nilai P keputusan sama ada menerima atau menolak hipotesis yang dibina akan didapati. Jika terdapat ada pembolehubah yang nilai $P < 0.05$ maka hipotesis nul di tolak.

BAB 4

ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan keputusan-keputusan yang diperolehi daripada data-data yang dianalisa daripada soalselidik yang telah dikemukakan kepada responden. Daripada 300 soalselidik yang diedarkan hanya 241 yang dapat digunakan. Manakala selebihnya dikategorikan sebagai rosak kerana jawapan yang tidak lengkap. Keputusan yang diperolehi adalah berdasarkan pentafsiran yang telah dibuat daripada jawapan oleh responden.

Analisa data kajian dibuat dalam 2 bahagian iaitu bahagian pertama akan membincangkan mengenai latar belakang responden dan diikuti dengan bahagian kedua iaitu penghuraian maklum balas para responden terhadap pemboleh ubah kajian. Pada bahagian kedua ini ujian akan menggunakan kaedah Regresi, Korelasi Koefisien, ANOVA serta Ujian -t. Hasil analisa akan dipersembahkan dengan menggunakan kaedah-kaedah penjadualan melalui pakej SPSS.

4.2 Latarbelakang Responden

Responden kajian ini seramai 241 pelajar dari 5 buah sekolah menengah di kawasan Jitra , Kubang Pasu, Kedah. Berdasarkan data yang dianalisa daripada 241 responden ini, latarbelakang pelajar dapat dibincangkan seperti berikut.

4.2.1 Latar belakang responden berdasarkan jantina

Daripada 241 yang telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan, didapati 143 (59.3%) orang pelajar perempuan manakala 98 (40.7%) terdiri daripada pelajar lelaki. Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa responden perempuan melebihi responden lelaki sebanyak 18.6 %.
(Lihat jadual 4.1)

Jadual 4.1 : Taburan Frekuensi Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	98	40.4
Perempuan	143	59.3
Jumlah	241	100

Sumber : Borang soal selidik

4.2.2 Latar belakang responden berdasarkan kaum

Dari segi latarbelakang responden berdasarkan kaum didapati kaum pelajar Melayu seramai 200 orang yang mewakili sebanyak 83%, kaum

Cina seramai 30 orang iaitu mewakili 12.4% dan akhirnya kaum India dan lain-lain pula seramai 7 dan 4 orang iaitu bersamaan 2.9% dan 1.7%. Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa responden kaum Melayu paling ramai. (Lihat jadual 4.2)

Jadual 4.2 : Taburan Frekuensi Responden Mengikut Kaum

Kaum	Bilangan	Peratus (%)
Melayu	200	83.0
Cina	30	12.4
India	7	2.9
Lain-lain	4	1.7
Jumlah	241	100

Sumber : Borang soal selidik

4.2.3 Latar belakang responden berdasarkan pencapaian akademik

Dari segi latar belakang berdasarkan pencapaian akademik pula, didapati seramai 151 pelajar (62.7%) tidak mendapat sebarang A dalam mata pelajaran, seramai 63 (26.1%) pelajar mendapat 1 atau 2 pangkat A, manakala 20 (8.3%) pelajar mendapat 3 atau 4 dan hanya 7 (2.9%) pelajar mendapat 5 atau lebih pangkat A bagi mata pelajaran di dalam peperiksaan PMR 1997. (Lihat jadual 4.3)

Jadual 4.3 : Taburan Frekuensi Responden Mengikut Pencapaian Akademik.

Pencapaian PMR 1997	Bilangan	Peratus (%)
Tiada A	151	62.7
1-2A	63	26.1
3-4A	20	8.3
5 dan lebih	7	2.9
Jumlah	241	100

Sumber : Borang soal selidik

4.3 Pengujian hipotesis hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.

Bahagian ini akan menjawab persoalan tentang hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar berdasarkan ujian Korelasi Pearson. Pembolehubah bebas diwakili oleh gejala ponteng pelajar manakala pembolehubah bersandar adalah faktor-faktor sekolah yang terdiri daripada faktor rakan sebaya, proses pengajaran guru, pengurusan kokurikulum, pengurusan kelas dan faktor keceriaan sekolah. Sebanyak lima hipotesis dibina untuk mencari perhubungan ini. Kaedah ujian hipotesis yang digunakan ialah Ujian Korelasi Pearson. Menurut Cates (1990), dalam setiap ujian kolerasi, kekuatan pembolehubah dilihat dari segi nilai Korelasi Pearson seperti dalam jadual 4.4 berikut :

Jadual 4.4 : Jadual Korelasi Pearson.

Nilai Korelasi	Tahap Korelasi
+1.000 +0.900 +0.800	Tinggi
+0.700 +0.600	Sederhana
+0.500 +0.400	Rendah
+0.300 +0.200	Amat rendah
+0.100 0.000 -0.100	Tiada Korelasi
-0.200 -0.300	Amat rendah
-0.400 -0.500	Rendah
-0.600 -0.700	Sederhana
-0.800 -0.900 -1.000	Tinggi

Bagi setiap ujian hipotesis yang dibuat, tahap signifikan dalam pengujian bagi kajian adalah $p < 0.05$ dengan aras keyakinan 95 peratus. Ini bermakna setiap hipotesis yang diuji akan ditolak seandainya nilai p melebihi dari nilai tersebut dan seterusnya hipotesis nul diterima.

Jadual 4.5 : Keputusan ujian Korelasi Pearson terhadap hubungan pembolehubah bersandar dengan gejala ponteng di kalangan pelajar.

Pembolehubah Bersandar	Gejala ponteng di kalangan pelajar		
	N	Nilai r	Nilai p
Pengaruh pengajaran guru	241	-0.279**	0.000
Pengaruh rakan sebaya	237	-0.303**	0.000
Pengaruh Pengurusan kelas	241	-0.016	0.804
Pengaruh keceriaan sekolah	240	-0.354**	0.000
Pengaruh aktiviti kokurikulum	240	-0.257**	0.000

Sumber : Borang soal selidik

** Korelasi signifikan pada paras 0.01

Jadual 4.5 di atas menunjukkan nilai korelasi (r) yang dapat ditentukan keteguhan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah. Nilai p dapat menentukan aras signifikan sama ada menerima atau menolak hipotesis nul.

4.3.1 Hipotesis 1

H₀₁ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor proses pengajaran guru.

Merujuk jadual 4.5 di dapati pembolehubah proses pengajaran guru nilai P = 0.000. Ini menunjukkan ada hubungan yang signifikan pada aras keertian 0.05 di antara faktor pengajaran guru dengan gejala ponteng di

kalangan pelajar. Oleh itu hipotesis nul ditolak dan ini menjelaskan terdapatnya hubungan signifikan antara faktor pengajaran guru dengan gejala ponteng. Daripada jadual didapati terdapat perkaitan di antara pengajaran guru dengan gejala ponteng. Nilai pekali korelasi (r) ialah -0.279 . Nilai negatif ini menggambarkan terdapat arah yang berlawanan antara pengaruh pengajaran guru dengan gejala ponteng di kalangan pelajar.

4.3.2 Hipotesis 2

Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor pengurusan kelas.

Merujuk jadual 4.5 didapati pembolehubah pengurusan kelas nilai $P = 0.804$. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan pada aras 0.05 di antara faktor pengurusan kelas dengan gejala ponteng di kalangan pelajar. Oleh itu hipotesis nul gagal ditolak. Hipotesis nul menyatakan tidak terdapat hubungan antara faktor pengurusan kelas dengan gejala ponteng. Nilai pekali korelasi (r) ialah -0.016 . Dari jadual 4.4, Korelasi Pearson nilai (r) menunjukkan tidak terdapat hubungan antara kedua pembolehubah.

4.3.3 Hipotesis 3

Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor rakan sebaya.

Merujuk jadual 4.5 didapati bagi pembolehubah pengaruh rakan sebaya nilai $P = 0.000$. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada aras 0.05 di antara pengaruh rakan sebaya dengan gejala ponteng di kalangan pelajar. Oleh itu hipotesis nul yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh rakan sebaya dengan gejala ponteng ditolak. Nilai pekali korelasi (r) ialah -0.303 . Nilai negatif ini menggambarkan arah hubungan songsang antara faktor rakan sebaya dengan gejala ponteng. Maksudnya rakan sebaya yang baik mempengaruhi pelajar kurang ponteng dan begitu juga sebaliknya. Bagaimanapun nilai (r) hanya menunjukkan hubungan yang 'amat rendah' (Lihat jadual 4.4) antara pengaruh rakan sebaya dengan gejala ponteng.

4.3.4 Hipotesis 4

Ho4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor pengurusan kokurikulum di sekolah.

Merujuk jadual 4.5 didapati untuk pembolehubah pengurusan kokurikulum nilai $P = 0.000$. Ini menunjukkan ada hubungan yang signifikan pada aras 0.05 di antara faktor pengurusan kokurikulum dengan gejala ponteng pelajar di sekolah. Oleh itu hipotesis nul ditolak dan hipotesis alternatif diterima. Hipotesis nul menyatakan tidak terdapat hubungan antara faktor pengurusan kokurikulum dengan gejala ponteng di sekolah. Nilai pekali korelasi (r) ialah -0.257 . Nilai negatif ini menggambarkan terdapatnya arah yang berlawanan antara gejala ponteng dengan faktor pengurusan kokurikulum atau dengan lain perkataan peningkatan kualiti pengurusan kokurikulum akan mengurangkan gejala ponteng. Bagaimanapun antara kedua-duanya hubungannya 'amat rendah'. (Lihat jadual 4.4)

4.3.5 Hipotesis 5

H_{o5} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor keadaan keceriaan sekolah.

Merujuk jadual 4.5 didapati untuk pembolehubah keadaan keceriaan sekolah nilai $P = 0.000$. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada aras 0.05 di antara faktor keceriaan sekolah dengan gejala ponteng di kalangan pelajar. Oleh itu hipotesis nul yang

menyatakan tidak terdapat hubungan antara faktor keceriaan sekolah dengan gejala ponteng pelajar ditolak. Nilai pekali korelasi (r) adalah -0.345 menunjukkan hubungan yang 'amat rendah' (Lihat jadual 4.4) antara faktor keceriaan sekolah dengan gejala ponteng pelajar.

4.4 Pengujian hipotesis perbezaan di antara pembolehubah-pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar.

Bahagian ini akan menjawab persoalan tentang perbezaan hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar berdasarkan ujian $-t$ dan analisis varian. Keputusan ujian adalah untuk melihat perbezaan hubungan dan pengaruh setiap pembolehubah dalam menentukan gejala ponteng di kalangan pelajar tingkatan empat.

4.4.1 Hipotesis 6

H_{o6} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gejala ponteng di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Jadual 4.6 : Ujian-t Tentang Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Mengikut Jantina

Jantina	N	Min	S. Piawai	.t	Dk	Sig
Lelaki	98	2.36	0.9436	6.13	239	0.000
Perempuan	143	1.67	0.7931			

Sumber : Borang soal selidik

*Nilai t = 6.130 signifikan pada aras 0.05

Jadual 4.6 merupakan hasil daripada ujian-t tentang gejala ponteng di kalangan pelajar mengikut jantina. Hasil kajian menunjukkan min pelajar lelaki ialah 2.36 dan min pelajar perempuan ialah 1.67. Nilai t daripada jadual iaitu 6.13 menggambarkan signifikan pada paras P lebih daripada 0.05. Dengan ini hipotesis nul gagal ditolak dan hipotesis alternatif ditolak. Keadaan ini menjelaskan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan berhubung gejala ponteng sekolah. Perbezaan nilai min sebanyak 0.69 menggambarkan pelajar perempuan mempunyai sikap yang lebih positif berbanding pelajar lelaki atau mereka kurang melakukan perbuatan ponteng berbanding lelaki.

4.4.2 Hipotesis 7

Ho7 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gejala ponteng di antara pelajar yang berlainan kaum.

Jadual 4.7 : Analisis Varians Tentang Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Mengikut Kaum.

Punca Variasi	Jumlah Kuasa dua	.dk	Min Kuasa Dua	Nisbah F	Sig
Antara Kumpulan	0.476	3	.159		
Dalam Kumpulan	202.85	237	.856	.186	.906
Jumlah	203.32	240			

Sumber : Borang soal selidik

Jadual 4.7 merupakan hasil daripada analisis varian dengan menggunakan ANOVA berhubung gejala ponteng di kalangan pelajar mengikut kaum. Hasil kajian ini menunjukkan nilai nisbah F ialah 0.186 dan nilai bererti pada paras 0.906 iaitu satu paras yang lebih besar daripada 0.05. Ini bermakna hipotesis nul yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gejala ponteng pelajar di antara pelajar yang berlainan kaum gagal di tolak. Oleh itu hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain berhubung gejala ponteng di kalangan mereka.

4.4.3 Hipotesis 8

Ho8 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gejala ponteng di antara pelajar yang berlainan pencapaian PMR.

Jadual 4.8 : Analisis Varian Tentang Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Mengikut Pencapaian PMR

Punca Variasi	Jumlah Kuasa dua	.dk	Min Kuasa dua	Nisbah F	Sig
Antara Kumpulan	6.45	3	2.151		
Dalam Kumpulan	196.87	237	.831	2.589	.054
Jumlah	203.32	240			

Sumber : Borang soal selidik

Jadual 4.8 merupakan hasil daripada analisis varian dengan menggunakan ANOVA berhubung gejala ponteng di kalangan pelajar mengikut pencapaian PMR (Peperiksaan Menengah Rendah). Hasil kajian ini menunjukkan nilai nisbah F ialah 2.589 dan nilai bererti pada paras 0.054 iaitu satu paras yang lebih besar daripada 0.05. Ini bermakna hipotesis nul yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gejala ponteng di antara pelajar yang berlainan pencapaian PMR gagal di tolak. Oleh itu hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar yang berlainan pencapaian PMR berhubung gejala ponteng di kalangan mereka.

4.5 Pengujian hipotesis untuk menentukan pengaruh setiap pembolehubah bebas ke atas gejala ponteng dikalangan pelajar tingkatan empat.

Dalam bahagian ini ujian hipotesis menggunakan analisis regresi berganda. Kaedah ini berguna untuk menentukan pengaruh setiap pembolehubah bebas ke

atas gejala ponteng di kalangan pelajar. Analisis regresi berganda berguna untuk mengenalpasti faktor yang paling dominan di antara pembolehubah bebas yang dapat mempengaruhi gejala ponteng yang sering dilakukan oleh pelajar. Faktor-faktor tersebut termasuklah pengajaran guru, rakan sebaya, pengurusan kokurikulum, pengurusan kelas dan keceriaan sekolah.

Ho9 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap gejala ponteng di kalangan pelajar oleh faktor pengajaran guru, pengurusan kelas, rakan sebaya, pengurusan kokurikulum dan keceriaan sekolah.

Jadual 4.9 : Keputusan Analisis Regresi Berganda untuk mengukur pengaruh faktor sekolah ke atas gejala ponteng di kalangan pelajar tingkatan 4.

Multiple R	R Square	Adjusted R Square	Standard Error
0.456	0.208	0.191	0.8283

Alalisis Varian

	Sum of square	Df	Mean square	F	Sig
Regression	41.450	5	8.290	12.084	0.000
Residual	157.787	230	0.686		
Total	199.237	235			

Pembolehubah (Konstant)	B	Std Error	Beta	T	Sig
Pengajaran	4.733	.527		8.985	.000
Rakan sebaya	-.256	.063	-.260	-4.077	.000
Kelas	.101	.119	.052	.852	.395
Kokurikulum	-.174	.100	-.115	-1.733	.085
Keceriaan	-.228	.092	-.163	-2.466	.014
	-.201	.093	-.140	-2.149	.033

Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan jadual 4.9, keputusan ujian regresi berganda menunjukkan bahawa pembolehubah tidak bersandar mempunyai pengaruh sebanyak 20.8% terhadap gejala ponteng yang berlaku di kalangan pelajar ($R^2 = 0.208$; $F = 12.084$; $p = 0.000$). Analisis ini juga menunjukkan terdapat tiga pembolehubah yang tidak bersandar mempunyai pengaruh signifikan ($P < 0.05$) ke atas gejala ponteng. Oleh itu, hipotesis nul ditolak dan hipotesis alternatif diterima. Dapatan dari hasil kajian ini juga menggambarkan faktor rakan sebaya paling besar pengaruhnya kepada gejala ponteng di kalangan pelajar, ini kerana nilai koefisien betanya 0.052 merupakan paling tinggi berbanding faktor-faktor lain.

Dapatan kajian menunjukkan gejala ponteng kebanyakannya bergantung kepada pengaruh rakan sebaya. Ini bermaksud semakin ramai rakan sebaya yang baik semakin kurang gejala ponteng di kalangan pelajar.

Kesimpulan daripada analisis regresi berganda menunjukkan selain daripada pengajaran guru, pengurusan kelas, pengurusan kokurikulum, rakan sebaya serta keceriaan sekolah dan seumpamanya masih terdapat banyak pengaruh-pengaruh lain yang tidak dibincangkan dalam kajian ini.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Perbincangan

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan dapatan kajian daripada penganlisisan data kuantitatif dan temubual. Perbincangan ini merangkumi analisa ciri-ciri pelajar ponteng, jawapan kepada persoalan-persoalan kajian serta dapatan ke atas objektif kajian yang dibentuk. Maklum balas yang didapati melalui data-data yang dikutip serta kesesuaian soalan membantu dapatan dalam kajian ini. Ciri-ciri Pelajar yang ponteng dilihat dari sudut jantina, bangsa dan pencapaian dalam PMR. Antara ciri-ciri pelajar ponteng yang dapat dikenalpasti ialah seperti berikut.

Daripada 241 responden yang terdiri 143 pelajar perempuan dan 98 pelajar lelaki daripada pelajar tingkatan empat yang dikaji didapati 42 (17.4%) pelajar pernah melakukan ponteng sekolah, 111 (46.1%) pelajar pernah melakukan ponteng kelas dan 175 (72.6%) pula pernah melakukan ponteng kokurikulum.

Dari sudut jantina didapati pelajar lelaki lebih banyak melakukan ponteng berbanding pelajar perempuan di mana ponteng sekolah pelajar lelaki 68 (69.3%) berbanding pelajar perempuan 43 (30 %) dan ponteng kelas 30 (30.6%) berbanding 12 (8%) sementara ponteng kokurikulum 72 (73.4%) berbanding 103 (72%)

Dari segi bangsa pula dapatan dalam peratusan menunjukkan gejala ponteng antara kaum hampir serata di mana pelajar melayu 44.5% pernah ponteng sekolah, 16 % ponteng kelas dan 84% ponteng kokurikulum. Manakala pelajar Cina 56.7% ponteng sekolah, 23% ponteng kelas dan 66.7 ponteng kokurikulum. Pelajar India dan lain-lain bangsa 45% ponteng sekolah, 27% ponteng kelas dan 63.6% ponteng kokurikulum.

Jika dilihat dari segi pencapaian PMR, keputusan ujian ANOVA sehala mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian PMR dengan gejala ponteng di kalangan pelajar. Ini membawa maksud pencapaian akademik tidak mempengaruhi gejala ponteng. Jadi boleh dikatakan bahawa walaupun pelajar lemah dalam pelajaran mereka tidak melakukan ponteng di atas faktor tersebut begitu juga sebaliknya.

Persoalan sama ada pengajaran guru menarik minat murid dan seterusnya mempengaruhi gejala ponteng boleh dilihat dari dapatan ujian

ke atas hipotesis 1 di mana nilai pekali korelasi ialah -0.279 yang menunjukkan terdapat hubungan songsang yang amat rendah. Jadi boleh dikatakan pengajaran guru yang menarik sedikit sebanyak akan mengurangkan gejala ponteng. Hubungan yang 'amat rendah' bermaksud guru-guru kini mempunyai kaedah pengajaran yang dapat menarik minat pelajar.

Bagi menjawab persoalan adakah perlu pihak sekolah mengemaskini sistem pentadbiran terutama pengurusan kelas, ujian ke atas hipotesis 2 menunjukkan tidak terdapat hubungan antara pengurusan kelas dengan gejala ponteng, nilai pekali korelasi ialah -0.016 yang menjelaskan tiada hubungan antara kedua-dua faktor. Jadi boleh dikatakan pengurusan kelas adalah baik dan tidak merangsang gejala ponteng.

Dapatan ujian ke atas hipotesis 3 dan 9 menunjukkan pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan dan kesan ke atas gejala ponteng dan adalah lebih kuat berbanding faktor lain (Lihat Analisis Regresi berganda). Oleh yang demikian persoalan bagaimana pengurusan rakan sebaya dapat membantu mengatasi gejala ponteng dan peranan yang boleh dimainkan oleh unit kaunseling amat penting dikaji.

Ujian ke atas hipotesis 4 menunjukkan terdapat hubungan yang amat rendah antara faktor pengurusan kokurikulum dengan gejala ponteng.

Nilai pekali korelasi -0.257 menggambarkan hubungan songsang antara kedua-dua faktor tersebut. Ini bermakna pengurusan kokurikulum yang cekap membantu mengurangkan gejala ponteng. Hubungan yang 'amat Rendah' bermaksud pengurusan kokurikulum yang sedia ada di sekolah adalah baik dan cekap sehingga dapat menarik minat pelajar ke sekolah.

Ujian ke atas hipotesis 5 menunjukkan terdapat hubungan antara faktor keceriaan sekolah dengan gejala ponteng. Nilai pekali korelasi ialah -0.345 dan juga menjelaskan terdapat hubungan songsang dan pada tahap yang amat rendah antara faktor keceriaan sekolah dengan gejala ponteng. Ini membawa maksud bahawa keceriaan sekolah yang terpelihara akan menyebabkan pelajar berminat ke sekolah. Dapatan kajian ini juga mendapati wujud unsur keceriaan sekolah melalui hubungan yang amat rendah antara kedua faktor.

5.2 Cadangan

Berikut adalah beberapa cadangan kepada pihak sekolah terutama pihak pentadbir guna unruk mengatasi gejala ponteng di kalangan pelajar.

1. Guru harus mengamalkan kaedah mengajar yang berpusatkan murid dan bukan berpusatkan guru. Guru wajar memiliki kebolehan mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya pelajar tidak bosan di samping itu unsur humor harus digunakan dalam

keadaan yang terkawal. Guru mesti mengenali latarbelakang murid serta masalah yang mereka hadapi secara individu. Hal ini akan mengujudkan keakrapan antara guru dengan murid dari segi psikologi. Guru di dalam bilik darjah harus bertindak sebagai pembimbing, pendorong, perunding dan pakar rujuk. Guru juga bertanggung jawab mengwujudkan suasana sosioemosi yang sihat supaya proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.

2. Kesselesaian pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku harus menjadi keutamaan. Kelas harus sesuai dari segi saiz dan bilangan murid. Amalan *streaming* iaitu mengasingkan pelajar mengikut kebolehan akademik membawa banyak kesan negatif dan lebih praktis diganti dengan pengasingan mengikut pelbagai kebolehan.
3. Khidmat Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di kalangan pelajar harus diperkembangkan. Anggota PRS harus mendapat kursus yang benar-benar mantap bagi membolehkan mereka memahami dan membimbing rakan sebaya. Guru kaunseling harus menjadi kaunselor sepenuh masa dan menumpukan ke arah peningkatan siasah di samping menyusun strategi meningkatkan motivasi pelajar.
4. Mengujudkan kebebasan memilih kokurikulum mengikut minat dan bukan mewajibkan penyertaan. Semua guru harus dapat

mengenalpasti kebolehan fizikal dan mental pelajar supaya penyertaan mereka menghasilkan kecermelangan.

5. Menubuhkan Jawatan Kuasa Keceriaan Sekolah yang turut dianggotai bersama oleh guru dan murid. Langkah sebegini akan mengujudkan rasa cinta pada sekolah. Membahagikan kawasan sekolah kepada persatuan-persatuan untuk dipulih dan dibangunkan. Menlibatkan ibu bapa dalam semua aktiviti keceriaan ternama semasa masyurat PIBG.

BIBLIOGRAFI

- Ab.Alim Abdul Rahim (1988) *Pelanggaran Disiplin Dan Peraturan Sekolah Di Kalangan Pelajar: Kajian Kes Di Dua Buah Sekolah Menengah Di Selangor Darul Ehsan*. Latihan Ilmiah Serdang;UPM.
- _____ (1994) *Pengurusan Kokurikulum*. Fajar Bakti : Kuala Lumpur.
- Barkley R.A(1981). *Hyperactive Children: A Hand Book For Diagnosis And Treatment*, Guildford press : New York.
- Benneff, N. G Blundell, D. (1983). *Quantity And Quality Of Work In Rows And Classrooms Groups*, Educational Psychology, Vol 3: 93-105.
- Boyson. R. (1973), *Order And Purpose In B. Tunner (ed), Discipline In Schools*, Ward Lock Educational, London.
- Cates. W. M. (1990), *Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, Terjemahan oleh Syaharon Abdullah.
- Dunhill , J. (1985). *Discipline In The Classroom*, University Of London Press Ltd. London.
- Ee Ah Meng (1997). *Pedagogi Kurikulum dan Pengurusan Bilik Darjah*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam.
- _____ (1994) *Piskologi Dalam Bilik Darjah* . Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Shah Alam.
- Fatimah Hamid Don (1978). *Disiplin Dalam Situasi Pembelajaran*, Laporan Seminar Kebangsaan Negara, Kuala Lumpur.
- Felmlec, D. & Eder, D. (1983) *Contextual Effects In The Classroom: The In Pack Of Ability Groups On Group Attention, Sociology Of Education*, Vol 56: 77-87.
- Gay, L.R., Diehl,P/L. (1992) *Research Methods For Business And Management*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Hayadin bin Baidawi (1997). *Faktor-Faktor yang Menimbulkan Masalah Disiplin Di Sekolah*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Helfon , G.B & Oakland, T.D (1927) *Teachers Attitudinal Responses To Differing Characteristics Of Elemenary School Students*, Journal Of Educational Psychology, Vol 69: 261-265.

- Hong Siang Ean (1996). *Hubungan Antara Ciri-ciri Individu Dengan Penglibatan Dalam Kegiatan Kokurikulum. Satu Kajian Kes* . Latihan Ilmiah : Universiti Utara Malaysia.
- Jaafar Abdul Rahim (1982) *Seriuskah Masalah Ponteng Di Malaysia* Dalam Ibrahim Saad (1982) Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jenkins, Patricia H. (1995). *School Delinquency and School Commitment*. Journal Sociology Of Education, Vol. 68(8): 221-236.
- Jessup, Michael, H. dan Kelley, Margrate A. (1971) *Discipline: Positive Attitudes For Learning*, Prentice Hall, Inc. Englewood Cliff. New Jersey.
- Ibrahim Mamat (1993), *Kepimpinan Sekolah Teori Untuk Praktis*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ibrahim Saad (1986) *Isu-isu Pendidikan Di Malaysia* : Kuala Lumpur .Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Daros (1981) *Faktor-Faktor Utama Yang Menyebabkan Pelajar Di Peringkat Menengah Melakukan Kegiatan Ponteng Sekolah*: Bangi. Jabatan Psikologi UKM.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar-Dasar Pelajaran, 1979.*
- Loke, M.L. (1981) . *Delinquent and non-delinquent adolescents : Their aspirations and perceptions of school and academic ability*. Tesis M. Ed : Kuala Lumpur University of Malaya.
- Mahadi Osman, Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Sa,adiah Hassan (1995) *Masyarakat Melayu Dan Gejala Sosial : Proses Penyelesaian Ke Arah Pembinaan Masyarakat Melayu Cemerlang Abad Ke-21* Institut Perkembangan Minda . Kuala Lumpur.
- Manja Mohd. Ludin (1990). *Psikologi Sosiologi dan Falsafah Dalam Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka . Kuala Lumpur.
- Masden , Chales H. and Masden H. And Masden Clifford K. (1970) *Teaching / Discipline*, Allyn And Bacon Inc. Boston.
- Meng .E.A (1994). *Siri Pendidikan Pengurusan Sekolah Dan Bilik Darjah*. Fajar Bakti , Kuala Lumpur.
- Mohd Ismail Zamzam (199. *Asas Organisasi dan kepimpinan bagi persatuan*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. , Kuala Lumpur.

- Nabli Abdul Latif.(1994) *Ciri-Ciri Yang Mendorong Pelajar Melanggar Disiplin : Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Vokasional Tanah Merah, Kelantan*. Latihan ilmiah untuk Sarjana Teknologi dan pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia
- Omardin Ashaari (1996). *Pengurusan Sekolah Satu Panduan Lengkap*. Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Persatuan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Cawangan Selangor(1995). *Panduan Tugas Staf Sekolah*.PKPSM . Kuala Lumpur.
- Purkey, S dan Smith, M. (1983) *Effective School: overview*. Elementary Schools Journal. Vol. 83.
- Ruhyati Idayu (1982) *Ponteng Sekolah Dan Permasalahannya*, Dalam Ibrahim Saad, Isu Pendidikan Di Malaysia, Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Rohaty Mohd Majzub, (1991). *Disiplin Dalam Pendidikan* . Nurin Enterprise, Kuala Lumpur.
- Tennent, T.G. (1971), *School Non Attendance And Delinquency*, Educational, Research, Vol. 13.
- T. Marimuthu (1996) *Pengenalan Sosialogi Pendidikan* : Fajar Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam.
- Turner J. (1977) *Psychology For The Classroom*, Methur Press. London.
- Unit Disiplin Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) *Panduan Bagi Mengatasi Masalah Ponteng Di sekolah*. Percetakan Watan Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Wheldall, K. & Olds, D. (1987). *Of Sex And Seating: The Effects Of Mixed And Same Sex Seating Arrangements In Junior Classroom*, New Zealand Journal Of Educational Studies, Vol 22: 71-85.
- Yaakub Hj. Yusof (1977), *Perbandingan Mengenai Dengan Nilai-Nilai Di Antara Ibu Bapa Murid-Murid Yang Ponteng Dan Tidak Ponteng*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, *Malaysia: The Way Forward*, Paper presented at the inaugural meeting of the Malaysian Business Council held in Kuala Lumpur on February 28, 1991.



BĀHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN
DASAR PENDIDIKAN (BPPDP) ,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Paras 2,3 & 5, Blok J
PUSAT BANDAR DAMANSARA.
50604 KUALA LUMPUR.

Telefon : 03-2583204
Faks : 03-2554960

Ruj. Kami : KP(BPPDP) 13/15 Jld.49(355)
Tarikh : 16 April 1998

Encik Yusop Bin Mat Isa
No 12 Kg. Padang
06000 Jitra
KEDAH

Tuan,

*Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab
Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah
Kementerian Pendidikan Malaysia*

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan
tuan untuk menjalankan kajian bertajuk:

“Hubungan Persekitaran Dalam Sekolah Dengan Gejala Ponteng Di Kalangan
Pelajar Tingkatan 4 ” telah diluluskan


2. Kelulusan ini adalah berdasarkan apa yang terkandung di dalam cadangan
penyelidikan yang tuan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi
menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah
Pendidikan negeri yang berkenaan. Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah
laporan kajian tuan setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DR. ABD. KARIM BIN MD. NOR)
b.p. Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.



**JABATAN PENDIDIKAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**
BANGUNAN PERSEKUTUAN
JALAN SULTAN BADLISHAH
05604 ALOR SETAR.

(Ked. Pendidikan 32)
(Pin. 2/91)

TELEFON:

Pengarah – A.S. 7332113

Pejabat – A.S. 7331311

FAX No:

7317242

Ruj. Kami : JPK(PPSG) 03-12/9Jld.3(61)

Tarikh : 22 April, 1998

Lieik Yusop bin Mat Isa,
No. 12, Kampong Padang
06030 Jitra,
Kedah Darul Aman.

Tuan,

**KEBENARAN BAGI MENJALANKAN KAJIAN
KE SEKOLAH-SEKOLAH JABATAN-JABATAN DAN INSTITUSI-
INSTITUSI DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Adalah saya diarah merujuk kepada surat Kementerian Pendidikan Malaysia KP(BPPDP)13/15
Jld.49(355) bertarikh 16 April, 1998 mengenai perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu pihak jabatan ini membenarkan tuan menjalankan kajian tersebut
merujuk kepada para 2 surat kementerian di sekolah-sekolah berikut :-

- I. Semua sekolah-sekolah Menengah di Daerah Kota Setar
- II. Semua sekolah-sekolah Menengah di Daerah Kubang Pasu

3. Kebenaran ini tertakluk kepada persetujuan Pengetua sekolah-sekolah berkenaan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH GEMILANG'

Saya yang menurut perintah,

(AMIRUDDIN BIN ABD. HAMID)

Ketua Penolong Pengarah,

Unit Perhubungan dan Pendaftaran Sekolah/Guru,

Jep. Pengarah Pendidikan Kedah Darul Aman.

1. Pegawai Pendidikan Daerah Kota Setar.
2. Pegawai Pendidikan Daerah Kubang Pasu.

AAH/sb



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM, Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel 04-9241801 - 8 Cable : UTAMAS Telex: MA 42052 Fax/DL: 04-9241641

Sekolah Siswazah

UUM/SS/T-13/1 Jld. 6

16 Mac 1998

Encik Nasrudin Zainudin
Sekolah Pengurusan
Universiti Utara Malaysia

Tuan/Puan,

PERLANTIKAN SEBAGAI PENYELIA KERTAS PROJEK

Dengan hormatnya, dimaklumkan bahawa Sekolah Siswazah ingin melantik tuan/puan sebagai penyelia kertas projek seperti di berikut:

U.13
Nama Pelajar : Yusop b. Mat Isa (80549)
Program : Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/IAB-6
Cadangan Tajuk : Hubungan Persekitaran Sekolah Dengan Kadar Ponteng
Di Kalangan Pelajar Menengah Atas Luar Bandar, Daerah
Kubang Pasu.

Sehubungan itu, bersama ini disertakan borang jawapan penerimaan untuk dikembalikan kepada Sekolah Siswazah sebelum 28 Mac 1998.

Saya juga ingin memohon kerjasama tuan/puan menghubungi kami dengan SEGERA sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam tajuk projek.

Di atas bantuan dan kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah,

(PROF. MADYA DR. IBRAHIM ABDUL HAMID)
Dekan

s.k. - Dekan
Sekolah Pengurusan
Pelajar



Nasrudin



SEKOLAH SISWAZAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 Sintok

Borang soal selidik

**HUBUNGAN FAKTOR DALAMAN SEKOLAH DENGAN GEJALA
PONTENG DI KALANGAN PELAJAR**

Pelajar yang dikasihi

Anda diberi penghormatan kerana terpilih secara rawak untuk memberi maklumat berkaitan **“Hubungan Faktor Dalaman Sekolah Dengan Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat”**.

Sehubungan dengan itu , saya memohon kerjasama dari pelajar-pelajar agar dapat memberi segala maklumat yang berkaitan berdasarkan soal selidik ini secara jujur dan berterus terang. Segala maklumat yang diperolehi akan **DIRAHSIAKAN** dan hanya akan digunakan untuk tujuan kajian semata-mata.

Segala kerjasama yang pelajar berikan dan masa yang digunakan untuk menjawab soal selidik ini amatlah dihargai dan saya dahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian.

YUSOP BIN MAT ISA

BORANG SOAL SELIDIK

ARAHAN: Sila Tandakan Jawapan Yang Tepat Di Dalam Ruangan Yang Disediakan Dengan [/] Mengikut Skil Yang Diberi.

BAHAGIAN A (LATAR BELAKANG)

1. Jantina

i () lelaki

ii () Perempuan

2. Bangsa

i () Melayu

ii () Cina

iii () India

iv () lain-lain

3. Keputusan PMR

i () Tiada A

ii () 1 - 2 A

iii () 3 - 4 A

iv () 5A dan lebih

BAHAGIAN B (PENGAJARAN GURU)

Arahan : sila bulatkan jawapan anda mengikut sekala di bawah:

- | | |
|-------------------------|---------|
| 1. Sangat tidak setuju. | [STS] |
| 2. Tidak setuju | [TS] |
| 3. Tidak pasti | [TP] |
| 4. Setuju | [S] |
| 5. Sangat setuju | [SS] |

- | | | | | | |
|--|---|---|---|---|---|
| 1. Pengajaran guru-guru di dalam kelas menarik untuk diikuti. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2. Pengajaran yang disampaikan oleh kebanyakan guru difahami | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3. Apabila loceng berbunyi guru saya akan masuk kelas dengan segera dan mengajar | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4. Guru mengambil berat ke atas masalah saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5. Tiada guru tertentu yang saya benci ketika mengajar di dalam kelas. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6. Hubungan antara murid-murid dan guru-guru sangat mesra. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

BAHAGIAN C (RAKAN SEBAYA)

- | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 7. Saya merasa lebih selesa bersama kawan-kawan daripada duduk di rumah ataupun sekolah | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 8. Saya ponteng sekolah kerana takut diperas ugut oleh kawan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 9. Saya ponteng sekolah kerana sering diejek oleh kawan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 10. Rakan saya membantu menasihati saya bila saya ponteng | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 11. Saya ponteng sekolah sebab ramai kawan saya berbuat demikian. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 12. Saya ponteng sekolah sebab saya sukar menyesuaikan diri dengan rakan-rakan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

1. Sangat tidak setuju.
2. Tidak setuju
3. Tidak pasti
4. Setuju
5. Sangat setuju

BAHAGIAN D: (PENGURUSAN KELAS)

- | | | | | | |
|--|---|---|---|---|---|
| 13. Saya rasa selesa walaupun duduk berhampiran dengan teman berlainan jantina | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 14. Saya tidak suka diasingkan dari kawan-kawan yang lebih pandai | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 15. Susun atur kerusi / meja di dalam kelas tidak menarik. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 16. Suasana dalam bilik darjah tidak tenteram dan terkawal. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 17. Saya menghadapi masalah penglihatan dan pendengaran semasa belajar di dalam kelas. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 18. Guru saya tidak menghukum pelajar yang bising di dalam kelas | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 19. Guru saya mengenali setiap pelajar yang bermasalah dan latarbelakang keluarganya | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

BAHAGIAN E: (KECERIAAN SEKOLAH)

- | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 20. Saya ponteng sekolah kerana suasana sekolah yang tidak menarik. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 21. Saya merasa tidak bebas bila berada di sekolah | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 22. Peraturan-peraturan dan undang-undang sekolah terlalu ketat | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 23. Guru disiplin di sekolah terlalu garang dan bengis. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 24. Lebih baik ponteng daripada didenda kerana datang lewat. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

1. Sangat tidak setuju.
2. Tidak setuju
3. Tidak pasti
4. Setuju
5. Sangat setuju

BAHAGIAN F: (KEGIATAN KOKURIKULUM)

25. Saya datang awal menyertai aktiviti – aktiviti sukan di sekolah.	1	2	3	4	5
26. Peraturan sekolah memaksa saya menyertai kegiatan pasukan beruniform dan kelab	1	2	3	4	5
27. Saya tidak diberi peluang menyertai aktiviti yang saya minati di sekolah	1	2	3	4	5
28. Kegiatan-kegiatan kokurikulum hanya membuang masa saya	1	2	3	4	5
29. Guru adalah jurulatih / pengurus yang sangat mahir	1	2	3	4	5
30. Keseronokan dari aktiviti kokurikulum yang saya ceburi di sekolah tidak ada di tempat lain	1	2	3	4	5

BAHAGIAN G

1. Sepanjang tahun ini saya tidak hadir ke sekolah tanpa sebab
 - i. Belum pernah
 - ii. 1-2 kali
 - iii. 3-4 kali
 - iv. 5-6 kali
 - v. lebih 6 kali

2. Sepanjang tahun ini saya tidak datang latihan kokurikulum tanpa sebab,
 - i. Belum pernah
 - ii. 1-2 Kali
 - iii. 3-4 Kali
 - iv. 5-6 Kali
 - v. lebih 6 kali

3. Sepanjang tahun ini saya tidak masuk ke kelas,
 - i. Belum pernah
 - ii. 1-2 Kali
 - iii. 2-3 kali
 - iv. 4-5 kali
 - v. lebih 6 kali

SEKIAN TERIMA KASIH DI ATAS SOKONGAN DAN KERJASAMA YANG ANDA BERIKAN.

Latar Belakang Penyelidik

Dilahirkan di Bandar Bharu, Kedah pada 15 Oktober 1963. Mendapat ijazah pertama dalam program Pengurusan Perniagaan dengan kepujian dari Universiti Utara Malaysia pada tahun 1991 dan meneruskan pengajian di Maktab Sultan Abdul Halim, Sungai Petani serta memperolehi Diploma Pendidikan pada tahun 1993. Memulakan kerjaya sebagai guru di Sekolah Abdulah Munshi Pulau Pinang dari 21 Jun 1993 sehingga 17 Julai 1998.